

ALSA Malaysia National Forum 2011
Perarakan Global March to Jerusalem

Komposisi dan Bentuk Alam:

Suatu Pertarungan Kebudayaan

Ilmu Falak *sebagai*

Mekanisme Sains dan Agama

Pengurusan Tertinggi

YBhg. Dato' Profesor Dr. Alias Daud

Naib Canselor

Profesor Dr. Amran Ahmed

**Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)**

Prof. Madya Dr. Nik Wan Omar

Pendaftar

Baharin Salim @ Abdullah

Bendahari

Sidang Pengarang

Hajah Azizah Endut

Pusat Penerbitan

Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee

Pusat Penerbitan

Prof. Madya Dr. Nashriyah Mat

Fakulti Pertanian dan Bioteknologi

Mohamad Hafis Amat Simin

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Hafiah Yusof

Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Nashirah Hussin

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Nurhana Ghazali

Unit Komunikasi Korporat

Kaswadi Yusoff

Jurufoto

Unit Komunikasi Korporat

Zurina Mansor

Setiausaha

Pusat Penerbitan

Sumber dan Penyumbang Bahan

- Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
- Bahagian Pengurusan Akademik
- Fakulti Bahasa dan Komunikasi
- Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
- Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan
- Fakulti Pertanian dan Bioteknologi
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
- Fakulti Rekabentuk dan Teknologi Inovatif
- Fakulti Teknologi Makanan
- Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa
- Jabatan Bendahari
- Jabatan Keselamatan
- Jabatan Pendaftar
- Jabatan Perpustakaan
- Pusat Kesihatan Pelajar
- Pusat Keusahawanan UniSZA
- Pusat Pembangunan Akademik
- Pusat Penerbitan
- Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
- Pusat Seni dan Warisan
- Unit Falak
- Unit Komunikasi Korporat

Hak Cipta Terpelihara © 2012. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pusat Penerbitan, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2012

Ketua, Pusat Penerbitan

Universiti Sultan Zainal Abidin

Kampus Gong Badak

21300 Kuala Terengganu

Terengganu, MALAYSIA.

Tel: 09-665 3608 Faks: 09-667 3896

Emel: zurina@unisza.edu.my

Laman web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



KANDUNGAN

Utama	4
Malim Sarjana	10
Seminar/Bengkel/Kursus/Mesyuarat	12
Rencana	24
Pencapaian	32
UniSZA Bersama Komuniti Setempat	38
UniSZA dan Hubungan Antarabangsa	41
Sukan dan Ko-Kurikulum	45





Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Undang-Undang UniSZA telah menjadi tuan rumah bagi program 'ALSA Malaysia National Forum 2011' yang diadakan pada 11 hingga 13 November 2011 bertempat di Blok Akademik, Kampus Gong Badak dengan tema '*Criminal: The Beat Within*'.

Program ini telah dihadiri oleh lebih kurang 150 delegasi yang terdiri daripada pelajar undang-undang UniSZA, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Multimedia University (MMU) dan Help University College. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniSZA, Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad.

Program diteruskan dengan simposium yang disampaikan oleh lima orang penceramah jemputan iaitu wakil Unit Perbicaraan dan Rayuan, Jabatan Peguam Negara, En. Mohamad Abazafree Mohd Abbas; Pensyarah UIAM iaitu Prof. Madya Dr. Shamrahayu Abd Aziz; seorang Peguam iaitu En. Rosal Azimin Ahmad; Pesuruhjaya SUHAKAM, En. Muhammad Sha'ani Abdullah dan Penasihat Undang-Undang Wilayah untuk Suruhanjaya Antarabangsa Palang Merah (ICRC), En. Richard Desgagne.

Para peserta turut menjalankan aktiviti *jungle trekking* yang dijalankan di Pusat Ko Kurikulum UniSZA di Kem Merang di samping menghadiri majlis makan malam bertempat di Hotel Felda Resident, Kuala Terengganu.

Majlis perasmian penutup telah dirasmikan oleh mantan Ketua Hakim Negara, Dato' Seri Tun Zaki Tun Azmi. Hadir sama Naib Canselor UniSZA, adalah Dato' Profesor Dr. Alias Daud dan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Dr. Abdul Manaf Ali.





Pada 30 Mac 2012, Kelab UNESCO UniSZA dengan kerjasama Aqsa Syarif Berhad telah menganjurkan satu perarakan yang dikenali sebagai Perarakan ke Baitul Maqdis (Global March to Jerusalem). Perarakan ini merupakan acara global apabila masyarakat seluruh dunia mengabadikan tarikh ini sebagai tarikh untuk memulakan perarakan ini. Perarakan terbesar komuniti global GMJ yang diadakan di Amman, Jordan pada tarikh yang sama melibatkan lebih 70,000 individu dari serata dunia yang turut disertai oleh Presiden Kelab UNESCO UniSZA, Dr. Mohd. Affandi Salleh.

Perarakan GMJ UniSZA diadakan selepas solat jumaat dan bermula dari perkarangan Masjid UniSZA sehingga ke Dewan al-Muktafi Billah Shah. Sebelum perarakan bermula, orang ramai telah disajikan dengan 'Flash Mob' yang telah dirancang oleh pelajar-pelajar UniSZA. Seramai lebih kurang 1000 orang telah menyertai perarakan ini. Lebih menggembirakan apabila sokongan memberangsangkan yang ditunjukkan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Amran Ahmed yang telah turut sama menyertai perarakan ini bersama pengarah Pusat Islam Ustaz Azhar Yaakob, imam-imam, pegawai masjid, para pensyarah, wakil-wakil

NGO, para jemaah masjid dan para pelajar termasuk pelajar bukan Islam. Penglibatan pelajar bukan Islam dalam perarakan ini juga amat dialu-alukan dan menunjukkan bahawa krisis di Palestin bukan berpaksikan kepada pertikaian agama semata.

Berdasarkan sumber Aqsa Syarif, perarakan di UniSZA mendapat sambutan yang kedua terbesar selepas perhimpunan GMJ di Stadium Melawati, Shah Alam. Perarakan seumpama ini juga telah diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS). Selepas perarakan, warga UniSZA dan orang awam telah berkumpul di Dewan al-Muktafi Billah Shah bagi mendengar amanat dari wakil Kelab UNESCO UniSZA, Abdul Majid Hafiz Mohamed, Pengerusi Aqsa Syarif Terengganu, Tuan Haji Lukman Dato' Awang dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Amran Ahmed. Hadirin

juga telah disajikan dengan tayangan klip-klip video yang mengupas penderitaan rakyat Palestin.

Pada malam 29 Mac 2012 pula telah diadakan solat hajat, bacaan Yasin dan juga tahlil kepada rakyat Palestin dan para pejuang mereka, di Masjid UniSZA dengan kerjasama Pusat Islam UniSZA. Cadangan untuk menganjurkan program ini adalah kerana masyarakat global yang menyokong perjuangan Palestin akan berhimpun pada 30 Mac 2012 di Amman, Jordan dan seterusnya berarak ke Palestin. Namun begitu, bagi yang tidak dapat pergi ke sana, satu perhimpunan di lokaliti masing-masing diadakan bagi memmanifestasikan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin. Justeru, penglibatan UniSZA dalam menganjurkan program ini merupakan langkah positif bagi memperlihatkan komitmen universiti dalam isu-isu semasa antarabangsa, keadilan kemanusiaan dan keamanan sejagat.





Perasmian Pemberian Baucar Buku 1 Malaysia



Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan majlis Perasmian Pemberian Baucar Buku 1 Malaysia pada 9 Januari 2012.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Pengerusi Yayasan Pelajaran Mara, Datuk Dr. Wira Haji Rosli Mat Hassan di Speaker's Corner, Kafetaria Kolej Kediaman Baru UniSZA Kampus Gong Badak.

Sebanyak RM1.263 juta telah diperuntukkan kepada

UniSZA untuk diagihkan kepada 6315 pelajar yang layak. Setiap pelajar akan menerima baucar berjumlah RM200.

Pada majlis tersebut, Datuk Dr. Wira Haji Rosli telah menyerahkan 'mock cheque' kepada wakil pelajar sebagai tanda perasmian. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Profesor Dr. Abdul Manaf Ali, Bendahari UniSZA, En. Baharin Salim, Dekan HEPA, En. Nordin Jusoh, kakitangan dan pelajar UniSZA.

Program Sijil Falak UniSZA 2012

Unit Falak, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), telah mengadakan Program Sijil Falak UniSZA 2012 untuk para pelajar tahun akhir Diploma bagi Sesi 2012 bermula pada 26 Mac sehingga 26 April 2012.

Program ini telah disertai oleh 30 orang pelajar yang bertujuan untuk memberikan pemahaman berkaitan Ilmu Falak dan teknik-teknik pembelajarannya. Di samping itu, program ini turut memberi pendedahan kepada para pelajar tentang aplikasi-aplikasi ilmu falak agar dapat dipraktikkan dalam bidang kerjaya mereka kelak.

Program Sijil Falak UniSZA 2012 ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh Dr. Baharrudin Zainal, En. Ahmad Taufan Abd

Rashid dan En. Syahril Hirman Azmee sebagai fasilitator. Turut membantu dalam kelancaran program ini adalah En. Hassan Ali. Program sijil ini dijalankan sepenuhnya di Kampus Gong Badak dan di bilik tutorial GA08 bermula pagi sehingga petang. Sesi petang telah diperuntukkan untuk para peserta menjalankan kerja-kerja amali dalam kumpulan-kumpulan yang telah diagihkan. Secara keseluruhannya, program sijil kali ini berjalan lancar dan mendapat maklum balas positif daripada para pelajar yang terlibat.



UniSZA Rangkul Hadiah Utama Pertandingan Reka Bentuk NST-Peugeot 2011

Pelajar Program Reka Bentuk Perindustrian, Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Muhammad Afiq Yahyaawal dan Hamizah Johan berjaya merangkul hadiah utama pada Pertandingan Reka Bentuk NST-Peugeot 2011. Pada majlis pengumuman dan penyampaian hadiah yang diadakan pada 8 Mac 2012 di Ibu Pejabat New Straits Times, Kuala Lumpur, 8 Mei 2011 yang lalu, mereka berjaya menewaskan lapan peserta lain yang disenarai pendek oleh pihak penganjur. Dengan kemenangan ini mereka berjaya membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM1000 setiap seorang dan melawat ke Pusat Reka Bentuk Peugeot di Velizy dan Paris, Perancis dengan perbelanjaan ditanggung oleh pihak penganjur. Mereka juga berpeluang untuk menjalani latihan praktikal di Naza R & D selama tiga bulan. Sementara itu, satu lagi pasukan dari UniSZA yang dianggotai oleh Nor Mastura Abdul Halim dan Rafi Shah Jeyarajah berjaya menduduki tempat ketiga dan membawa pulang hadiah berupa



wang tunai sebanyak RM250 setiap seorang dan berpeluang menjalani latihan di Naza R & D selama tiga bulan. Pertandingan yang bertemakan 'Merekabentuk Kereta Peugeot yang Tepat untuk Pasaran Asia Tenggara bagi Pasaran 2018', 150 penyertaan dari wakil universiti dan kolej serta 43 penyertaan dari sekolah di seluruh negara.

UniSZA *Juarai* 'National Client Consultation Competition 2012'

Buat julung kalinya Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menjuarai Harun M. Hashim National Client Consultation Competition 2012 yang dianjurkan oleh Universiti Sains Malaysia (USIM). UniSZA telah diwakili oleh dua orang pelajar Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), iaitu Waafini Mohd Pardi dan Quay Wei Li Vivien dan dilatih sendiri oleh Dekan fakulti tersebut, En. Mohd Fuad Husaini. Dalam pusingan akhir pertandingan, pasukan UniSZA berhadapan dengan pasukan Universiti Utara Malaysia (UUM), yakni juara bertahan. Pasukan daripada UniSZA telah menunjukkan

semangat profesional dan kepeguaman yang cemerlang untuk muncul sebagai juara pertandingan. Trofi kemenangan telah disampaikan oleh Profesor Dr. Hajah Mustafa Mohd Hanefah, Dekan Penyelidikan dan Inovasi, USIM. Pertandingan ini adalah berupa pertandingan simulasi profesional kepeguaman yang memerlukan peserta untuk bertindak sebagai peguam bagi menasihati anak guam dalam permasalahan perundangan yang diutarakan oleh anak guam. Tema pertandingan pada tahun ini adalah 'Employers – Employees', yakni isu-isu perundangan yang berkaitan dengan undang-undang

buruh dan permasalahan hubungan industri antara majikan dan pekerja. Pertandingan tersebut turut disertai oleh Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Juara bagi pertandingan peringkat kebangsaan ini akan mewakili Malaysia dalam pertandingan berprestij 'Louis M Brown and Forrest S. Morten International Client Consultation Competition' yang akan diadakan di Dublin, Ireland pada bulan April ini. Pertandingan ini akan disertai oleh seluruh institusi-institusi pengajian tinggi undang-undang sedunia.

FTM Lancar Produk Makanan Baru

Fakulti Teknologi Makanan (FTM) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan majlis Pelancaran Produk Makanan pada 21 Disember 2011 di Laman Inspirasi, Kampus Kota.

Pelancaran ini merupakan kemuncak kepada projek Pembangunan Produk Makanan yang dijayakan oleh pelajar tahun akhir Sarjana Muda Teknologi Makanan bagi sesi 2011/2012. Majlis telah dirasmikan oleh Dekan FTM, Profesor Dr. Che Abdullah Abu Bakar.

Produk-produk makanan yang dihasilkan dihakimi oleh beberapa orang juri iaitu Pegawai Eksekutif SME Corp. cawangan Terengganu, En. Wan Mohd. Tarmizi Wan Jusoh; Pegawai Penyelidik Bahagian Promosi dan Pembangunan Teknologi MARDI cawangan Terengganu, En. Mohd Faiz Musa; dan Ketua Jabatan Sains Makanan, Fakulti Agroteknologi dan Sains Makanan UMT, Dr. Amir Ezzwan Zamri.

Bertemakan produk berasaskan bahan atau makanan setempat (*local foods and ingredients*), sebanyak enam produk makanan baru telah berjaya dihasilkan oleh pelajar. Produk ini telah melalui kajian pasaran, proses pembangunan idea

(*brainstorming*), penciptaan formula, penghasilan prototaip, analisa nutrisi dan data kajian spesifikasi, penghasilan pembungkusan dan pelabelan, serta promosi dan pelancaran produk.

Produk-produk tersebut adalah:

1. **Jem Senduduk**
Jem yang dihasilkan daripada buah senduduk, tumbuhan tradisional yang popular dalam kalangan masyarakat setempat dan amat mudah didapati, tetapi kurang dibuat kajian khusus tentang khasiat dan penggunaannya.
2. **Qrackiss**
Snek berasaskan kek batik yang popular dalam kalangan masyarakat tempatan tetapi kurang dikomersilkan kerana masalah kestabilan produk iaitu jenis kek yang mudah rosak.
3. **Purpellicious**
Nugget berasaskan ubi keledek ungu yang mudah didapati di sekitar Terengganu apabila tiba musimnya tetapi sering dibuang akibat lambakan dan penggunaannya yang terhad.

4 SPOT

Sosej vegetarian yang seratus peratus berasaskan ubi keledek oren. Jenis ubi ini amat mudah didapati, selain digemari rasanya dan diketahui khasiatnya oleh masyarakat setempat.

5. Cocoron

Macaroon berasaskan hampas kelapa yang menjadi bahan buangan peniaga dan masyarakat setempat, tetapi amat berpotensi untuk diinovasikan penggunaannya kerana mempunyai nilainya tersendiri.

6. Viggie

Burger vegetarian yang berasaskan cendawan dan sayur-sayuran tempatan yang berkhasiat. Produk ini bertujuan memberi alternatif kepada penggemar makanan segera yang berasaskan ayam dan daging, selain memberi saingan kepada produk barat yang berasaskan *vegetarian*.

Sepanjang proses penghakiman, para juri telah berkunjung ke gerai-gerai pameran setiap kumpulan yang dihias dengan poster dan sampel produk.

Orang ramai turut berpeluang merasa produk makanan yang dipamerkan selain diberi buah tangan sebagai usaha mempromosi produk setiap kumpulan yang bertanding.

Kumpulan *SPOT* dengan produk sosej ubi keledek oren berjaya muncul sebagai juara, diikuti oleh kumpulan *Cocoron* dan tempat ketiga disandang oleh kumpulan *Viggie*.



We are One

UniSZA dan PSU

Disatukan Menerusi

Program ROHAS 2012

'The Road to a Harmonious Society (ROHAS) Project' merupakan salah satu aktiviti yang dirancang untuk dilaksanakan bersama oleh Department of Western Languages, Faculty of Humanities and Social Sciences (HUSO), Prince of Songkla University (PSU), Kampus Pattani dengan Jabatan Sains Sosial, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Program yang berlangsung pada 11 hingga 15 April 2012 ini merupakan projek penyelidikan yang disertai oleh para pelajar dan staf akademik UniSZA dan PSUP di Kampung Pak Kian, Besut, Terengganu.

Selain bertujuan untuk memperluas jaringan hubungan kerjasama antara UniSZA (Malaysia) dan PSUP (Thailand), program ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai kehidupan masyarakat berbilang bangsa yang harmoni dalam konteks sosio-politik di Malaysia. Menerusi program ini juga, bakat kepimpinan dalam kalangan peserta juga dapat dibentuk dan digilap supaya mampu memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat di samping meningkatkan kesedaran sebagai warga ASEAN dalam kalangan peserta. ROHAS juga bertujuan untuk mempromosikan hubungan kekitaan dalam kalangan pelajar daripada pelbagai etnik, budaya dan latar belakang agama dari UniSZA dan PSUP.

Hari pertama program diisi

dengan syarahan umum berjudul *Colonialism, Nationalism and Racialism: Constructing Identity of Malayness* yang disampaikan oleh pensyarah Jabatan Sains Sosial, En. Mohamad Hafis Amat Simin. Para peserta bertolak ke Kampung Pak Kian pada hari kedua. Sebelum memulakan kerja lapangan dengan penduduk berbangsa Siam di kampung tersebut, para peserta diberi taklimat oleh Pengerusi Persatuan Siam Terengganu. Hari ketiga pula diisi dengan tugas menganalisis data kajian dan menulis jurnal. Pada waktu petang pula para peserta mengisi masa terluang dengan aktiviti sukaneka.

Majlis perasmian projek ROHAS diadakan pada hari Sabtu, 14 April 2012 di Demong Beach Resort oleh ADUN Kota Putra YB Tuan Haji Muhammad Pehimi Yusof. Turut hadir adalah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Amran Ahmed, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr. Abdul Hakim Abdullah dan Dekan FKI, Prof. Madya Dr. Engku Ahmad Zaki Engku Alwi.

Program ROHAS 2012 yang disertai oleh 60 orang mahasiswa/i UniSZA dan PSU ini berakhir dengan persembahan kebudayaan oleh para pelajar PSU dan kakitangan Pusat Seni dan Warisan, UniSZA. Program ini diharap dapat melahirkan graduan yang berupaya memartabatkan dunia akademik menerusi penyelidikan dan penulisan di samping menyumbang kepada pembangunan masyarakat di negara masing-masing.



Isu dan Permasalahan Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran di Malaysia

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Seminar Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran pada 25 Februari 2012, bertempat di Dewan Kuliah Utama, Kampus Gong Badak. Profesor Dr. Azizah Kassim, Felo Utama IKMAS telah membentangkan kertas kerjanya bertajuk *Isu dan Permasalahan Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran di Malaysia*. Kertas kerja tersebut menghuraikan tentang makna pemerdagangan orang dan penyeludupan migran serta insiden-insiden pemerdagangan dan penyeludupan migran. Selain itu, beliau turut membincangkan respon kerajaan melalui Akta Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran 2007, institusi dan pentadbiran akta tersebut, pelaksanaan dan pencapaiannya serta cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan akta berkenaan.

Pemerdagangan orang terbahagi kepada enam jenis iaitu eksploitasi seks / pelacuran, kerja / khidmat paksa (forced labour), pengabdian / penghambaan (buruh terikat), penjualan bayi dan pemindahan organ manusia. Mengikut Perkara 3 *Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons, Especially Women and Children*, pemerdagangan orang melibatkan perekrutan, pengangkutan, pemindahan, perlindungan, penyediaan dan penerima seseorang bagi maksud eksploitasi. Usaha ini juga melibatkan unsur paksa terhadap mangsa. Dinamikan eksploitasi meliputi penderaan fizikal, mental dan emosi; menafikan gaji, makanan dan rehat yang cukup, mengurung pekerja, menyuruh kerja bertentangan dengan agama dan sebagainya yang dilakukan secara berterusan atau berulang-ulang. Pemerdagangan orang juga ada unsur paksaan dengan mengancam untuk mengenakan kecederaan berat kepada seseorang atau saudara maranya atau sekatan fiscal terhadapnya jika sesuatu perkara itu dilakukan atau tidak dilakukan.

Menurut *Article 3 of Protocol against the Smuggling of Migrants by Land, Sea and Air*, penyeludupan migran



bermaksud membawa masuk seorang individu ke dalam sebuah negara atau keluar dari negara di mana dia bukan warganegara atau penduduk tetap, secara tidak sah dengan tujuan untuk mendapatkan faedah berupa wang secara langsung atau tidak langsung. Selain itu kemasukan tersebut adalah tidak sah, iaitu merentas sempadan negara tanpa mematuhi peraturan yang diperlukan oleh negara penerima, misalnya tanpa dokumen sah, dengan dokumen palsu atau masuk melalui jalan tikus.

Akta Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran, 2007 digubal kerana ketiadaan undang-undang yang khusus untuk kegiatan-kegiatan ini. Sebelum penggubalan akta ini, antara peruntukan yang digunakan adalah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1969, Child Act 2001 dan Penal Code. Namun demikian, di bawah Akta Imigresen misalnya, kedua-dua mangsa dan pemangsa dianggap pesalah kerana melanggar peraturan imigresen. Akta Antipemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran digubal bagi menyediakan satu undang-undang khusus dan komprehensif bagi membanteras pemerdagangan dan penyeludupan manusia di samping melengkapi undang-undang yang sedia ada. Terdapat beberapa cabaran yang diuraikan oleh pembentang dalam pelaksanaan akta ini. Cabaran yang pertama adalah kurangnya pengetahuan dan kefahaman mengenai akta ini serta cara mengakses khidmat oleh mangsa. Selain itu, masyarakat juga mempunyai kurang kesedaran tentangnya di samping sukar mengesan kegiatan pemerdagangan dan penyeludupan serta sukar untuk mengenalpasti mangsa. Kerajaan juga terpaksa menanggung kos yang tinggi untuk kerja-kerja pencegahan, pendakwaan, perlindungan mangsa dan penghantaran pulang. Cabaran yang seterusnya adalah kurang kerjasama dengan kedutaan asing dan yang terakhir, pendakwaan sukar dijalankan kerana susah mendapatkan kerjasama mangsa dan saksi kerana takut akan tindak balas pemangsa. Pendakwaan juga sukar dilakukan kerana kesukaran untuk mendapatkan penterjemah dan sebagainya.



Komposisi dan Bentuk Alam: Suatu Pertarungan Kebudayaan


Unit Falak, Fakulti Kontemporari Islam (FKI) telah menganjurkan satu wacana ilmu yang disampaikan oleh Prof. Dr. Shaharir Mohamad Zain dari Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya pada 19 April 2012, di Dewan Kuliah Utama, UniSZA. Wacana yang membincangkan tentang Komposisi dan Bentuk Alam: Suatu Pertarungan Kebudayaan menyingkap tentang pertarungan kebudayaan dalam penamaan atau pengistilahan objek di alam semesta ini. Syarahan ini antara lainya membicarakan mengenai alam yang meliputi alam fizik / jasmani dan alam semesta. Aspek pertama yang diwacanakan berkisar mengenai perkara yang diminati oleh ahli sains dahulu dan sekarang tentang alam semesta, antaranya mengenai orbit atau trajektori, falak atau mustaqar. Selain itu, mekanisme atau perkara yang menyebabkan terjadinya gerakan sedemikian (teori), secara bahasa biasa/tabii (biasa disebut secara kualitatif) dan seterusnya secara matematik (biasa disebut secara kuantitatif). Aspek lain yang diwacanakan, termasuk mengenai kedudukan Islam dalam ilmu alam-semesta dan bagaimana *al-Quran* digunakan oleh Muslim dalam ilmu alam-semesta dahulu dan kini (selepas abad ke-17 M).

Sorotan terhadap kandungan objek yang tampak di langit dilakukan sambil menunjukkan bahawa tamadun Malayonesia membuktikan penamaan objek

di dalam alam semesta ini dan teori berkenaan dengannya adalah sarat dengan kebudayaan meliputi agama dan bahasa iaitu sekiranya kebudayaan berubah, maka berubahlah nama dan teori tersebut. Ilmu Malayonesia dalam bidang ini pun berubah namanya sesuai dengan kebudayaan yang tersirat di dalamnya, bermula dengan horasastera kepada falak dan kini




astronomi. Pun demikianlah halnya dengan tamadun Eropah khususnya yang berbahasa Inggeris dan Tamadun Islam berbahasa Arab. Banyak istilah Melayu ditunjukkan lebih asli atau lebih tua berbanding dengan istilah Inggeris tentang benda yang sama di dalam bidang kajian alam semesta ini. Konsep



Alam Kecil dan Alam Besar Kita diperkenalkan. Beberapa perkara istilah dalam bidang kajian alam semesta yang ada di dalam *al-Qur'an* dibicarakan dengan agak rinci dan kritisnya, iaitu '*aalamyyin*, *samawat*, dan *kawkab*.

Pertarungan pendapat antara intra-ulama / sarjana Islam dengan interkebudayaan, Barat dengan Islam, dalam ilmu ini dibicarakan sehingga membawa kesimpulan bahawa pertarungan intra-ulama / intrasarjana Islam yang mirip mengulangi sejarah gelap Eropah dalam astronomi tidak berlaku kerana suasana ilmiah yang tidak cukup menghayati adab ikhtilaf yang tinggi akibat ketinggalan zaman dan ketaksuban pendirian; manakala pertembungan kebudayaan dalam ilmu alam semesta selepas abad ke-20 Masehi ini menjadikan perbalahan ilmu ini dalam kalangan intra dan intersarjana yang berasaskan ilmu pra-abad ke-20 itu amat tidak relevan lagi. Pertembungan kebudayaan dalam ilmu ini kini sudah sampai pada tahap berakhirnya dialog dan negosiasi ilmu antara dua kebudayaan, kebudayaan Barat dan Islam. Yang perlunya ialah ilmu alternatif dalam bidang ini, iaitu astronomi dan kosmologi beracuan Kebudayaan Muslim.





Bengkel Neuro-Linguistic Programming (NLP) UniSZA 2011

Pusat Pembangunan Akademik telah menganjurkan Bengkel *Neuro-Linguistic Programming (NLP)* UniSZA 2011 pada 17 hingga 18 Disember 2011 di Rumbia Resort Villa, Paka. Seramai 45 orang peserta dalam kalangan staf akademik menghadiri bengkel ini. Bengkel ini dirasmikan oleh Ketua Pusat Pembangunan Akademik En. Abd Rahim Ramli.

Objektif penganjuran bengkel ini adalah untuk memahami bagaimana setiap manusia membentuk kecemerlangan dari informasi yang diproses; membolehkan peserta membentuk matlamat unggul dan menunjuk cara bagaimana untuk mendapatkan apa sahaja yang diinginkan melalui teknik-teknik garis masa

dan *logical level*; serta memberi panduan penyelesaian konflik dalaman diri dengan mudah.

NLP adalah satu kursus yang disifatkan sebagai *art and science of personal success*. Kursus ini memberi ruang kepada peserta untuk memahami kaedah-kaedah NLP bagi membolehkan mereka mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

Antara pengisian program ini adalah andaian serta prinsip NLP, mengenali keadaan diri, minda sedar dan separa sedar, ketajaman deria, sistem representasi, pecahan modaliti, predikad (bahasa minda), kue akses mata, menjana hubungan mantap (*rapport*), menjana hasil unggul (*outcome*), menyauh (*anchoring*), kaitan langsung dan tidak langsung, model meta dan rumusan praktikum.

Bengkel e-Learning UniSZA 2012

Pusat Pembangunan Akademik (CAD), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan dua sesi Bengkel e-Learning pada 15 hingga 16 dan pada 26 hingga 27 Februari 2012. Bengkel tersebut diadakan di Makmal Komputer 1, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP). Seramai 26 orang staf akademik terlibat sebagai peserta sesi I dan 26 orang bagi sesi II. Secara keseluruhannya, bengkel ini telah dikendalikan oleh Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK)

merangkap Penyelaras Bahasa Inggeris di CAD, Pn. Wahidah Abd. Wahid dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat, En. Mohd Radzi Abd. Kadir.

Bengkel ini menerangkan secara terperinci mengenai penggunaan sistem yang kepada para peserta untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Medium ini digunakan oleh peserta bagi memuat naik soalan-soalan tutorial, membuat hebahan, kuiz dan lain-lain kepada para pelajar. Dengan adanya bengkel seperti ini, peserta dapat meningkatkan pengetahuan serta memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

Diharapkan bengkel sebegini dapat diperluaskan kepada semua staf akademik bagi meningkatkan pengetahuan serta mengukuhkan mutu perkhidmatan agar lebih berkesan pada masa akan datang.



Pada 8 Januari 2011, Pusat Pembangunan Akademik (CAD) telah menganjurkan satu Bengkel Pembelajaran Pengajian Tinggi kepada staf akademik. Seramai 93 orang peserta dari semua fakulti telah mengikuti bengkel tersebut dan bengkel telah dikendalikan dengan jayanya oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UniSZA.

Antara objektif bengkel ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada staf akademik khususnya kepada staf yang baru berkhidmat tentang sejarah pembelajaran pengajian tinggi di Malaysia. Selain itu juga, peserta turut didedahkan dengan peranan pengajian tinggi, Kesarjanaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (SoTL), perkembangan pengajian tinggi di Malaysia, senario pembelajaran, konsep pembelajaran di pengajian tinggi, isu dalam pengajian tinggi serta bagaimana pengajian tinggi harus bergerak ke hadapan.

Dengan adanya bengkel ini, diharapkan peserta dapat membincangkan bagaimana peranan pengajian tinggi dalam pembangunan negara sebagai sebuah negara maju menjelang 2020. Selain itu juga, peserta dapat menganalisis isu kritikal dalam pembelajaran dan pengajaran pengajian tinggi untuk kelestarian negara.



Bengkel Penulisan Berita 2012

Penulisan berita merupakan salah satu cabang daripada pelbagai bidang penulisan. Sesebuah berita ditulis bertujuan untuk menghebahkan sesuatu perkara kepada umum. Susulan daripada itu, Penerbit UniSZA telah mengadakan Bengkel Penulisan Berita 2012 pada 19 April 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Kampus Gong Badak.

Secara umumnya, bengkel ini bertujuan untuk melatih kakitangan UniSZA menghasilkan berita yang berkualiti. Objektif khusus bengkel ini adalah untuk memberi kefahaman tentang struktur berita, melatih peserta untuk menulis berita mengikut format dan piawai sebenar serta membimbing peserta untuk menulis dengan menggunakan laras bahasa yang betul.



Bengkel yang disertai oleh 29 orang peserta mewakili setiap PTj ini dikendalikan oleh dua orang fasilitator iaitu Pegawai Penerbitan dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Cik Rabil Sitta Abdul Rahman dan Pensyarah Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Puan Nashirah Hussin.



Bengkel Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 2012

Pusat Pembangunan Akademik (CAD) telah menganjurkan bengkel 'Statistical Package for Social Sciences (SPSS) 2012 pada 12 hingga 13 Februari 2012 bertempat di Makmal Komputer, Blok Hafsah, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP), UniSZA. Bengkel ini dirasmikan oleh Timbalan Ketua CAD, En. Mohd Sufian Mat Deris dan dikendalikan sepenuhnya oleh pensyarah yang berpengalaman dalam bidang ini iaitu Prof. Madya Dr. Kamarul Shukri Mat Teh dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA. Objektif penganjuran adalah untuk memberi pendedahan kepada pengoperasian data SPSS dalam membantu menyiapkan penyelidikan masing-masing. Para peserta diberi tunjuk ajar secara praktikal tentang kaedah analisis data, menyediakan analisis untuk membentuk data, mengenalpasti dan membezakan jenis data yang diperolehi serta diberi pendedahan tentang kaedah pembacaan hasil data SPSS. Selain itu pembelajaran secara teori dan praktikal digunakan bagi meningkatkan pemahaman dalam kalangan peserta. Sambutan terhadap penganjuran bengkel ini amat menggalakkan dan CAD bercadang akan meneruskan lagi bengkel ini pada masa akan datang di samping mengadakan bengkel lanjutan SPSS dalam masa terdekat.

Bengkel Retreat Pengurusan HEPA 2012

Pada 27 dan 28 Februari 2012, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah mengadakan Bengkel Retreat Pengurusan HEPA di Sutra Beach Resort and Spa. Seramai 86 orang kakitangan HEPA telah hadir bagi mengemaskini prosedur kerja unit masing-masing. Pentadbiran HEPA UniSZA kini diterajui Dr. Abdul Hakim Abdullah sebagai Dekan dengan dibantu oleh dua orang Timbalan Dekan iaitu Dr. Mustaffa Che Omar dan Encik Shahzool Hazimin Azizam. Pusat Kokurikulum juga telah diberikan jawatan dua penyelararas akademik yang telah diisi oleh En. Akila Mamat dan Pn. Hafiah Yusof untuk membantu dalam penyelarasan akademik bagi subjek kokurikulum.



Bengkel Tesis ke Buku 2011

Pusat Penerbitan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan Bengkel Tesis ke Buku 2011 pada 5 hingga 7 Disember 2011, bertempat di Bilik Mesyuarat 1, Kampus Gong Badak. Bengkel yang dijalankan secara intensif ini melibatkan 19 orang

peserta yang mewakili semua fakulti di UniSZA.

Majlis perasmian bengkel tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr. Mohd Afandi Muhamad. Bengkel ini dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah dan fasilitator jemputan dari Universiti Malaya, iaitu Prof. Madya Dr. Hamed Mohd Adnan yang berpengalaman luas dalam bidang penerbitan dan penulisan ilmiah. Selain aktif dalam mengurus, menyunting dan menghasilkan penerbitan ilmiah, beliau juga merupakan Presiden Persatuan Editor Malaysia.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi kefahaman tentang struktur tesis, memberi kefahaman tentang buku ilmiah dan melatih pengarang merombak tesis menjadi manuskrip yang sesuai diterbitkan.



Bengkel Penulisan Cadangan Penyelidikan & Persediaan PhD UniSZA 2012

Pusat Pembangunan Akademik (CAD), dengan kerjasama Fakulti Informatik (FIT) telah mengadakan Bengkel Penulisan Cadangan Penyelidikan dan Persediaan PhD 2012 pada 14, 18 dan 19 April 2012 bertempat di Dewan Panca Delima, Pusat Seni dan Warisan, UniSZA. Peserta adalah terdiri daripada pensyarah UniSZA yang akan menyambung pengajian mereka pada tahun ini. Tujuan utama bengkel ini diadakan adalah

untuk meningkatkan kualiti teknik penulisan dalam penyelidikan. Selain itu, bengkel ini juga diharap dapat membantu para pensyarah mengenalpasti masalah dan kaedah penyelesaiannya dalam pelaksanaan sesuatu kajian. Bengkel ini juga memberi penekanan mengenai teknik yang berkesan dalam penulisan cadangan penyelidikan dan tesis PhD, memotivasi pensyarah untuk membudayakan penyelidikan dalam bidang mereka dan memberi

peluang kepada peserta untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi suasana pembelajaran di peringkat PhD. Bengkel yang dirasmikan oleh Ketua CAD, En. Abd. Rahim Ramli mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pensyarah UniSZA dan penganjurannya akan diteruskan oleh pihak CAD pada masa akan datang.

Ceramah Pembangunan Modal Insan Memelihara Waktu

Pada 26 Januari 2012 yang lalu, telah diadakan Ceramah Pembangunan Modal Insan bertempat di Bilik Auditorium, Perpustakaan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak. Ceramah yang bertajuk *Memelihara Waktu* ini telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Penataran Ilmu, UniSZA, Dr. Syed Hadzrullathfi Syed Omar. Tumpuan utama yang dibincangkan dalam ceramah tersebut adalah cara-cara mengurus dan memelihara waktu.

Menurut beliau, waktu itu satu peluang yang paling banyak disia-siakan oleh setiap individu. Kegagalan mengurus dan merancang waktu dengan baik

menyebabkan seseorang itu sentiasa berada dalam kerugian kerana waktu itu sebahagian dari umur kita. Setiap detik waktu yang dilalui mesti diisi dengan perkara-perkara yang berfaedah bagi mendapat keberkatan.

Objektif ceramah ini adalah untuk memberi kesedaran dan muhasabah diri mengenai kepentingan memelihara masa. Masa merupakan sesuatu yang cepat berlalu dan tidak akan pernah kembali lagi. Oleh karena itu, setiap muslim amat dituntut untuk memanfaatkan masanya dengan baik, sehingga waktu dapat berlalu dengan penggunaan yang efektif dan tidak sia-sia.



Kata pujangga arab, Waktu ibarat pedang. 'Jika tidak kau patahkan maka akan mematahkanmu. Jika ia telah berlalu, maka tak akan pernah kembali untuk selamanya.'

Bengkel Memahami Pelajar UniSZA 2012

Pusat Pembangunan Akademik (CAD) telah mengadakan Bengkel Memahami Pelajar UniSZA 2012 pada 7 hingga 8 Mac 2012 bertempat di Dewan Panca Delima, Pusat Seni dan Warisan, UniSZA. Majlis dirasmikan oleh Ketua CAD, En. Abdul Rahim Ramli dan dikendalikan sepenuhnya oleh pensyarah UniSZA iaitu Tn. Hj. Hasnan Ilias dari Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA. Tujuan penganjuran bengkel ini adalah untuk meneliti pelbagai perspektif teori pembelajaran, ciri-ciri kepelbagaian budaya dan perbezaan individu yang terdapat di IPTA Malaysia dan seterusnya menekankan keperluan mengenalpasti kepelbagaian yang ada untuk membolehkan pembelajaran yang bermakna. Diharapkan bengkel seperti ini dapat diadakan pada masa akan datang demi menjaga hubungan yang baik antara tenaga pengajar dan pelajar di UniSZA dalam menghasilkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, malahan berkualiti dalam segala aspek bagi melahirkan graduan minda kelas pertama.

Kempen Keselamatan Jalan Raya Bersama Warga UniSZA

Pada 14 Mac 2012, Jabatan Keselamatan dengan kerjasama Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Kempen Keselamatan Jalan Raya bersama Warga UniSZA bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Akademik Kampus Gong Badak. Program yang bermula pada jam 8.30 pagi hingga 2.00 petang ini melibatkan wakil dari setiap PTj. Kempen ini bertujuan memberi kesedaran dan pengetahuan kepada warga UniSZA tentang kepentingan keselamatan sebagai pengguna yang sentiasa menggunakan jalan raya. Sepanjang kempen berjalan, dua ceramah telah disampaikan oleh wakil daripada Jabatan Keselamatan Jalan raya (JKJR) Terengganu dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Cawangan Trafik Kuala Terengganu. Di samping itu, pameran juga diadakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), JKJR dan PDRM. Program ini telah dirasmikan oleh Pengarah Keselamatan UniSZA, Tuan Rosli Mahadi. Turut hadir ke majlis tersebut ialah Dekan HEPA, Dr. Abdul Hakim Abdullah dan Penolong Pendaftar Bahagian Pembangunan Modal Insan, En. Mazlan Mohammad.

Kolokium Hasil Penyelidikan

Pada 9 April 2012, Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan kolokium hasil penyelidikan di bawah pembiayaan geran penyelidikan dana universiti bagi tahun 2009 dan 2010. Kolokium yang diadakan di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), UniSZA, Profesor Dr. Amran Ahmed dan dihadiri oleh 34 orang pensyarah. Kolokium yang bermula pada



jam 8.00 pagi dan berakhir pada 1.00 tengahari ini telah dibahagikan kepada dua kumpulan pembentangan iaitu kumpulan sains sosial dan kumpulan sains teknologi. Kumpulan sains sosial telah dipengerusikan oleh Dr. Wan Norhayate Wan Daud yang melibatkan tujuh pembentangan hasil penyelidikan, manakala kumpulan sains teknologi pula dipengerusikan oleh Profesor Dr. Hafisah Binti Ja'afar yang melibatkan sebanyak empat pembentangan hasil penyelidikan. Kolokium ini merupakan platform kepada para penyelidik untuk bertukar-tukar pengalaman khususnya berkaitan kajian yang dijalankan di samping mengumpul dapatan kajian untuk dijadikan asas kepada penerbitan akademik dalam bentuk yang pelbagai.

Kursus Asas Kaunseling

Jabatan Keselamatan dengan kerjasama Jabatan Pendaftar telah menganjurkan Kursus Asas Kaunseling pada 29 Mac 2012 di Ibai Golf & Country Club, Kuala Ibai bermula jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Seramai empat orang kaunselor termasuk Ketu Unit Kaunseling dan Kerjaya Puan Rosni Mohammad telah dijemput untuk memberi ceramah dalam kursus tersebut. Kursus ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pengetahuan asas dan teknik kaunseling kepada staf UniSZA dalam mengurus permasalahan individu atau pelajar apabila diperlukan.

Seramai 31 orang peserta terdiri daripada staf Jabatan Keselamatan, HEPA, Bahagian Pengurusan Akademi (BPA) dan Jabatan Perpustakaan menyertai kursus ini. Penolong Pendaftar Bahagian Pembangunan Modal Insan Jabatan Pendaftar, En. Mazlan Mohammad telah merasmikan kursus tersebut. Kursus ini berakhir dengan majlis penyampaian sijil kepada para peserta.



Kursus **Asas Perajurit Muda Sukarela** Siri 2/2012

Kursus Asas Perajurit Muda Sukarela Siri 2/2012 telah diadakan di Kem Sri Tembila, Besut pada 18 Mac sehingga 17 April 2012. Tiga orang pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah diumumkan sebagai peserta terbaik mengikut kategori masing-masing iaitu:

Bil	Nama Pelajar	Kategori
1	Nurnabilah Zhamriee	Akademik Terbaik
2	Noor Sufiqa MohdNasir	Kawad Wanita Terbaik
3	Muhammad Khairul Afandi Ahmad Faizal	Keseluruhan Terbaik

Kursus **Basic Life Support** (Cardiopulmonary Resuscitation) 2012

Pusat Kesihatan Pelajar (PKP) dengan kerjasama Jabatan Pendaftar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan Kursus Basic Life Support (Cardiopulmonary Resuscitation) pada 17 hingga 19 April 2012 bertempat di Bukit Gambang Resort City, Pahang.

Program ini mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan 30 orang peserta daripada pelbagai fakulti dan jabatan di UniSZA. Kursus ini dilaksanakan dengan kerjasama enam pegawai dan fasilitator daripada Hospital Sultanah Nur Zahirah.

Kursus ini menekankan tindakan kecemasan yang perlu dilakukan untuk menyelamatkan nyawa sebelum ketibaan paramedik dan kemahiran ini wajar dipelajari untuk melahirkan kakitangan yang cekap mengambil tindakan jika berlaku sebarang kecemasan di kampus. Kursus ini telah berlangsung dengan jayanya dengan kebanyakan peserta lulus dengan cemerlang dalam ujian yang dijalankan.



Latihan Penggunaan Pangkalan Data IEEE Xplore

Perpustakaan UniSZA telah menganjurkan Latihan Penggunaan Pangkalan Data IEEE (Institute of Electrical and Electronics Engineers) Xplore pada 18 April 2012 di Makmal Komputer Perpustakaan UniSZA. Seramai 32 orang peserta telah menghadiri latihan ini yang terdiri dari dua buah fakulti iaitu Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) dan Fakulti Informatik (FIT). IEEE Xplore merupakan pangkalan data atas talian yang menyediakan akses kepada kandungan saintifik dan teknikal yang diterbitkan oleh IEEE dan sekutu penerbitannya. IEEE Xplore ini merupakan pangkalan data atas talian yang menyediakan akses kepada kandungan saintifik dan teknikal

yang diterbitkan oleh IEEE dan sekutu penerbitannya. Terkandung hampir tiga juta artikel teks penuh, 151 jurnal yang diperolehi daripada 900 kertas persidangan, lebih daripada 3,400 piawai, 400 buku elektronik dan 200 kursus pendidikan serta menyediakan akses secara web daripada kebanyakan penerbitan khususnya dalam bidang kejuruteraan elektrik, sains komputer dan elektronik. Ceramah telah disampaikan oleh En. Edward Kennedy Nasen Thevarakam, Pengurus IT Kanan, United Technology Malaysia Sdn. Bhd. dan dibantu oleh En. Nik Ab. Kadir, Eksekutif Teknikal di syarikat tersebut. Latihan ini adalah untuk memberi peluang kepada para pustakawan, pembantu



perpustakaan kanan, pensyarah dan pelajar mempelajari tentang fungsi, peranan dan penggunaan pangkalan data IEEE Xplore. Dengan adanya latihan sebegini, bukan sahaja staf atau pelajar dapat memanfaatkan pangkalan data tersebut malah penggunaannya akan turut meningkat sesuai dengan jumlah pelaburan yang dibuat oleh universiti.

Mesyuarat Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-universiti Malaysia (MAKUMA)

Kali Ke-26

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menjadi tuan rumah untuk Mesyuarat Majlis Kaunseling dan Kerjaya Universiti-universiti Malaysia [MAKUMA] kali ke-26 pada 27 hingga 28 Januari 2012. Mesyuarat yang diadakan di Hotel Grand Continental Kuala Terengganu ini dipengerusikan oleh Pengerusi MAKUMA iaitu Profesor Datuk Dr. Mohd Tajudin Hj. Ninggal. Seramai 25 orang wakil Pegawai Psikologi dari setiap Institut Pengajian Tinggi Awam [IPTA] telah hadir dalam mesyuarat tersebut. Bagi meraikan delegasi mesyuarat, satu majlis makan malam telah diadakan pada 27 Januari 2012, jam 8.00 malam di Dewan Perhentian, Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu. Delegasi mesyuarat telah dihiburkan dengan persembahan Band Mahameru UniSZA.



Malaysian Soft Skills Scale (My3S)

Pusat Pembangunan Akademik (CAD), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) merupakan urusetia bagi menjalankan kajian Malaysian Soft Skills Scale (My3S) kepada pelajar-pelajar yang menjalani Program Ijazah Sarjana Muda di UniSZA. Kumpulan sasaran pada kali ini adalah pelajar Tahun Akhir 2012 dan tarikh pengisian kajian ini bermula dari 20 Februari sehingga 30 Mac 2012 dengan melayari laman sesawang <http://jpt.mohe.gov.my/my3s>.

Kemahiran Insaniah atau soft-skills merupakan kemahiran generik yang merentasi pelbagai aspek pembelajaran. Kemahiran ini merangkumi aspek individu dan kerja berkumpulan yang perlu dikuasai oleh graduan bagi membolehkan mereka mendapat pekerjaan dan menjadi pekerja yang cemerlang dalam pelbagai organisasi.

Selaras dengan kepentingannya, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah memperkenalkan tujuh elemen utama Kemahiran Insaniah yang perlu diterapkan kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Elemen-elemen tersebut adalah kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, moral dan etika professional dan kemahiran kepimpinan.

Keberkesanan penerapan kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar ini diukur tahap penguasaannya melalui instrument ini yang dikenali Skala Kemahiran Insaniah Malaysia (Malaysian Soft Skills Scale – My3S).



Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Perpustakaan UniSZA telah mengadakan Program *Refreshment* Pembantu Perpustakaan pada 29 Februari hingga 1 Mac 2012 bertempat di Bilik Auditorium, Perpustakaan UniSZA, Kampus Gong Badak. Program ini bertujuan untuk mempertingkatkan pengurusan dan kecekapan dalam menjalankan kerja-kerja asas di perpustakaan di samping dapat meningkatkan kemahiran tentang perkhidmatan maklumat dan rujukan kepada pengguna. Program selama dua hari ini telah memberi penumpuan

Program Refreshment Pembantu Perpustakaan UniSZA 2012

kepada aspek-aspek seperti bentuk atau format taklimat pelajar secara teori dan praktik. Pengisian program ini merangkumi beberapa modul yang telah disusun oleh tenaga pengajar seperti perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan, sistem katalog perpustakaan, pencarian maklumat atas talian serta teknik terkini mengakses maklumat melalui internet. Program ini dikendalikan oleh iaitu En. Din Sulong dan En. Mohd Sabri Muda. Dalam program ini juga diselitkan slot bersama BERNAMA yang memberi latihan penggunaan pangkalan data BLIS.

Perpustakaan UniSZA Anjur Latihan Penggunaan Pangkalan Data CINAHL

Pada 7 Mac 2012, Perpustakaan UniSZA telah menganjurkan Latihan Penggunaan Pangkalan Data CINAHL (Cumulative Index to Nursing and Allied Health) bertempat di Dewan Auditorium, Blok Akademik, Kampus Gong Badak. Latihan ini dikendalikan oleh penceramah jemputan iaitu Cik Noor Asyikin Abbas, Pengarah Urusan, *Corporate and Medical Database* dari *EBSCOhost* di Singapura. Antara tujuan latihan ini diadakan untuk memberi kefahaman kepada para pustakawan, pembantu perpustakaan kanan dan staf akademik khususnya pensyarah serta pelajar kejururawatan dari segi penggunaan pangkalan data tersebut. CINAHL ini merupakan pangkalan data atas talian yang menyediakan akses kepada abstrak dan artikel teks penuh daripada jurnal serta kertas persidangan dalam bidang kejururawatan dan bio perubatan. Dengan adanya latihan sebegini, bukan sahaja staf atau pelajar dapat memanfaatkan pangkalan data tersebut malah penggunaannya akan turut meningkatkan ROI dan memberikan pulangan pelaburan kepada universiti.

Program **Pembangunan Kepimpinan Inovatif dan Transformasi Pensyarah Muda** 2012

Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKePT) dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan program Pembangunan Kepimpinan Inovatif dan Transformasi Pensyarah Muda 2012 bertempat di Hotel Sri Malaysia, Genting Highlands, pada 29 hingga 31 Mac 2012. Pusat Pembangunan Akademik, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) merupakan wakil urusetia bagi program ini. Selain UniSZA, seramai 47 orang peserta dari UMP dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) terlibat dalam bengkel tersebut. Penglibatan peserta dari UniSZA adalah paling ramai iaitu 27 orang mewakili semua fakulti. Bersetujuan dengan nama program, kumpulan sasaran bagi program ini adalah pensyarah yang berumur bawah 40 tahun sahaja.

Program ini selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) iaitu untuk melahirkan pensyarah muda yang berpotensi dan berwibawa menjadi pemimpin dalam bidang akademik. Objektif pengajuran program ini adalah untuk memastikan para pensyarah muda memenuhi sebahagian daripada keperluan latihan Critical Agenda Programs (CAPs) Leadership Program, memperkasa bakat akademik serta menyokong rancangan Pelan Penggantian Pengajian Tinggi (Succession Planning in Higher Education Institution). Selain itu, program ini juga menggalakkan inovasi pembelajaran dan kepimpinan pengajaran kepada para pensyarah muda.

Program SME Consultant Development - For UniSZA Consultant (Module 1)

Pusat Keusahawanan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan SME Corp telah mengadakan program *SME Consultant Development Programme - For Unisza Consultant (Module 1)* yang melibatkan 11 orang pensyarah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP), UniSZA sebagai peserta. Program yang diadakan di Bangunan Akademik, Kampus Gong Badak pada 1 dan 2 Februari 2012 itu dirangka khusus bagi melahirkan konsultan / perunding perniagaan / business coach dalam kalangan pensyarah UniSZA bagi membantu pembangunan keusahawanan pelajar di UniSZA. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyediakan satu platform kepada para pensyarah UniSZA berkongsi ilmu (knowledge transfer) dengan komuniti setempat khususnya *small medium enterprises* atau SME di Terengganu bagi memastikan produk / perkhidmatan usahawan bumiputera dapat dipertingkatkan.



Syarahan Akademik oleh Profesor Dr. Adel Salah Khattab, University Tanta, Egypt



Pada 18 April 2012, bertempat di Bilik Kuliah Pusat Teknologi Maklumat, Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah berlangsung program syarahan akademik bertajuk *Recent Advances in Animal Breeding: Egypt Experience* yang disampaikan oleh Profesor Dr. Adel Salah Khattab, seorang profesor dari Tanta University, Egypt. Program yang dirasmikan oleh Dekan FPB, Profesor Dr. Mat Zakaria adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan berkongsi pengalaman tentang pembiakbakaan haiwan berdasarkan pengalaman di Mesir. Pihak fakulti amat berbangga apabila dapat berkongsi pengalaman dengan seorang pakar seperti beliau yang pasti dapat dijadikan panduan dan contoh kepada warga UniSZA. Fakulti berharap program seperti ini akan terus diadakan pada masa hadapan. Majlis yang bermula pada jam 2.30 petang dan berakhir pada jam 5.00 petang telah dihadiri oleh hampir 50 peserta terdiri daripada kakitangan universiti, pelajar siswazah dan prasiswazah.



Seminar Perundangan Islam dalam Masyarakat Kontemporari (ISLAC) 2011

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) telah menganjurkan Seminar Perundangan Islam dalam Masyarakat Kontemporari pada 18 hingga 19 November 2011 lalu bertempat di Dewan al-Muktafi Billah Shah, Universiti Sultan Zainal Abidin Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu.

Penganjuran seminar dua hari yang bertemakan *Perundangan Islam Menjamin Kemaslahatan Masyarakat Kontemporari* ini merupakan seminar peringkat kebangsaan yang julung kalinya dianjurkan oleh jabatan ini. Seminar ini juga merupakan kesinambungan daripada siri syarahan akademik yang telah dianjurkan oleh Jabatan Syariah dalam usaha memartabatkan perundangan Islam. Objektif penganjuran seminar adalah untuk mengemukakan cadangan penyelesaian terhadap isu-isu berkaitan kekeluargaan, kewangan, harta, jenayah dan pentadbiran melalui pendekatan yang dianjurkan oleh Islam, serta menonjolkan objektif di sebalik perundangan Islam yang dinamik kepada masyarakat umum dalam usaha meningkatkan kefahaman dan penerimaan masyarakat terhadap perundangan Islam.

Perasmian seminar telah disempurnakan oleh Exco Agama dan Penerangan Negeri, YB Tuan Haji Khazan Che Mat. Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa kerajaan amat menitikberatkan perkembangan perundangan Islam di Malaysia dan sentiasa berusaha tanpa mengenal jemu untuk mengaplikasikannya dalam keadaan yang harmoni, sesuai dengan realiti masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Beliau turut

menekankan bahawa pandangan dan saranan para intelektual Islam dalam pelbagai bidang amat diperlukan.

Hari pertama seminar bermula dengan ucapan utama yang telah disampaikan oleh Dato' Paduka Prof Emeritus Mahmood Zuhdi Abdul Majid yang merupakan tokoh fiqh semasa Malaysia. Empat kertas pembentangan utama seterusnya disampaikan oleh Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Putrajaya, Dato' Haji Md. Yusup Che Teh, mewakili Ketua Hakim Syarie Negara; Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) yang juga Penasihat Syariah Bursa Malaysia Berhad, Dr. Aznan Hasan, wakil Jabatan Syariah, Prof. Madya Dr. Basri Ibrahim dan wakil Mufti Negeri Terengganu, Tuan Haji M. Rozi Bidin.

Perjalanan seminar serta slot pembentangan dirakam oleh stesen penyiaran TV Al-Hijrah. Sebanyak 59 kertas kerja merangkumi pelbagai disiplin ilmu telah dibentangkan dari perspektif hukum Syara' dan maqasid Syariyyah telah dibentangkan dalam sesi selari oleh pembentang-pembentang dari pelbagai institusi. Seramai

lebih 200 orang peserta telah hadir menjayakan seminar ini. Para peserta memberikan maklumbalas yang memberangsangkan terhadap penganjuran ISLAC 2011, serta menyifatkannya sebagai satu penganjuran seminar ilmiah yang padat dan sistematik.



Unit Kaunseling dan Kerjaya (HEPA), UniSZA telah menganjurkan program Pembangunan Kerjaya 2012 pada 20 April 2012. Majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Timbalan Dekan Pembangunan dan Khidmat Pelajar, Dr. Mustafa Che Omar. Program Bengkel Ambang Kerjaya Impian: *Grooming, Resume & Interviewing Skills Program* (G.R.I.P) ini bermula pada pukul 8.30 pagi hingga 5.00 petang, bertempat di Dewan Kuliah Utama melibatkan 333 penyertaan mahasiswa/i tahun akhir dari Fakulti Pengajian dan Kontemporari Islam (FKI) dan mahasiswa/i tahun akhir Diploma Kejururawatan. Melalui program tersebut mahasiswa/i telah didedahkan dengan pelbagai maklumat persediaan kerjaya merangkumi etika, tatacara menghadapi temuduga, penulisan resume, personaliti unggul dan juga kemahiran komunikasi berkesan.

Program kedua iaitu Program Simulasi Temuduga Berfokus (Mock Interview) pula telah diadakan pada 12 Mei 2012 di lapan Bilik Kuliah, Blok Akademik UniSZA. Program ini adalah kesinambungan program Bengkel Ambang Kerjaya Impian. Seramai 50 orang mahasiswa FKI telah terpilih untuk mengikuti program simulasi temuduga setelah berjaya melepasi proses saringan melalui Ujian Personaliti yang dikendalikan oleh Pegawai-pegawai Psikologi UniSZA. Mahasiswa/i yang terpilih telah diberi peluang untuk

Bengkel Ambang Kerjaya Impian & Simulasi Temuduga Berfokus

merasai pengalaman simulasi temuduga berfokus ini di samping mendapatkan tips-tips berguna bersama panel-panel temuduga bertauliah. Antaranya empat panel dari Institut Peguruan Dato' Ismail Razali, dua dari Institut Tadbiran Negara (INTAN), dan dua panel



dari Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu. Antara jawatan yang disimulasi semasa program tersebut ialah Pegawai Tadbir, Pegawai Hal Ehwal Agama, Guru J-Qaf dan Kursus Pengurusan Lulusan Ijazah (KPLI). Simulasi temuduga ini telah

berlangsung dengan jayanya bermula jam 8.30 pagi sehingga 1.00 tengah hari dan diakhiri dengan slot refleksi tentang kekuatan dan kelemahan diri calon semasa simulasi temuduga dijalankan oleh semua panel temuduga yang terlibat.

Syarahan Perdana FUHA 2012



Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan Syarahan Perdana FUHA 2012 pada 27 Mei 2012 bertempat di Dewan Auditorium Bangunan Akademik, Kampus Gong Badak.

Syarahan yang bertajuk *The Challenges Faced by Malaysian Judiciary in Recent Years* telah disampaikan oleh Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi, mantan Ketua Hakim Negara merangkap Profesor Adjung FUHA.

Tujuan syarahan ini diadakan adalah untuk menjelaskan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Badan Kehakiman Negara dalam menangani isu-isu perundangan. Selain itu, ia juga dapat memberi pendedahan kepada para pelajar khususnya dan masyarakat secara amnya berkaitan isu-isu semasa dari perspektif undang-undang.

Pada majlis itu juga telah diadakan majlis penyerahan cek sumbangan Yayasan Tun Azmi kepada FUHA yang disampaikan oleh Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi kepada Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Zolkipli Abdul.

Turut hadir pada majlis ini ialah Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud, wakil-wakil daripada badan kehakiman, Polis DiRaja Malaysia, Jawatankuasa Peguam Negeri Terengganu, jabatan-jabatan kerajaan dan pelajar Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dengan Kepujian.

Ilmu Falak

Sebagai Mekanisme Sains dan Agama

Oleh: Dr. Baharrudin Zainal



Pengenalan

Mengikut naluri, manusia sentiasa cuba memahami alam dan mentafsirkan setiap sesuatu secara lahiriah untuk digunakan dalam kehidupan seharian. Proses ini, walaupun berlaku dengan interpretasi yang negatif, termasuk dalam bentuk mitos, tetap mengandungi unsur-unsur saintifik. Dalam konteks ini, manusia cuba memahami alam tabii dengan sistem yang mereka faham. Dengan kudrat dan daya pemikiran manusia, kebenaran terhadap sesuatu pemerhatian diuji secara berterusan daripada satu generasi ke generasi berikutnya. Semua proses ini dilakukan secara bersistem di bawah satu kekuasaan hukum (formula) yang meyakinkan manusia, termasuklah kebolehan menjangka apa yang mungkin terjadi pada masa hadapan. Sesuatu dapatan sains akan disahkan oleh generasi berikutnya sama ada sepenuhnya atau berlaku pembetulan, malahan ada antara konsep sains yang akan ditolak berdasarkan rasional dan logik yang baharu.

Dengan ini manusia berharap akan dapat menuju ke arah kebenaran dalam memahami alam dan penciptanya, yakni Allah s.w.t.. Bersesuaianlah dengan takrifan sains mengikut *First World Conference on Muslim Education, Makkah 1977* yang menjelaskan bahawa sains ialah 'pengetahuan

intelektual manusia memikirkan tentang alam semesta, untuk memahami tabii makhluk yang boleh difikirkan untuk mencari undang-undang tabii (sunnatullah) dan menggunakannya untuk kebaikan sesuai dengan tugas manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi' (Sardar 1991). Justeru itu, tujuan utama sains, termasuk ilmu falak ialah untuk memahami sunatullah, beribadat kepada Allah s.w.t., memantapkan akidah dan tauhid serta mengangkat martabat manusia.

Pembinaan Konsep Ilmu Falak

Sebagai cabang sains tabii, ahli-ahli falak mematuhi semua metodologi saintifik tanpa pengecualian. Dengan ini mereka berharap dapat membuat sesuatu rumusan falak yang bersesuaian dengan tabiinya. Rumusan dalam bentuk teori dan formula yang dihasilkan merupakan hasil ijtihad mereka tentang alam. Harapan mereka (ahli-ahli falak), ijtihad tersebut diterima sebagai wasilah untuk ibadat dan kerja mereka menjadi amal jariah yang diredhai Allah s.w.t.. Walau bagaimanapun, sesuai dengan kebenaran sains yang relatif terhadap kaedah uji kaji dan pengalaman empirik, atau ungkapan Shahrir (2000) 'kebenaran mantik yang sah dalam premis tertentu', kebenaran sesuatu dapatan atau teori falak juga berada dalam premis yang sama. Ilmu

falak kemudiannya mencapai tahap 'ilmu pasti' apabila kebenarannya secara relatif memenuhi rasional saintifik. Kebenaran relatif inilah yang digunakan untuk mencapai kesejahteraan hidup serta memperbaiki kualiti insaniah. Justeru, kebenaran relatif juga bertujuan untuk mencapai keredhaan Allah s.w.t.. Dalam merumuskan kedudukan ilmu falak bagi membantu keperluan ibadat, ilmu falak akan mengisi keperluan tersebut dengan wasilah untuk mencapai tujuan dan kesempurnaan ibadat. Penggunaan metodologi sains untuk memantapkan aplikasi falak dalam fiqah juga sebenarnya bagi memenuhi prinsip 'usul fiqh' paling asas, iaitu '... barang yang tiada boleh sempurna yang wajib melainkan dengannya, maka adalah ia wajib...'. Prinsip inilah yang menjadi pendorong kepada ahli-ahli sains termasuk ahli-ahli falak untuk bertanggungjawab membina epistemologi ilmu yang mantap. Kajian yang mereka lakukan bertujuan untuk mengekang sebarang aplikasi ijtihad secara luwes yang boleh membawa kerosakan terhadap pelaksanaan ibadat.

Sesuai dengan tradisi ilmu-ilmu Islam, ilmu falak diletakkan dalam kelompok ilmu fardhu kifayah. Antara ciri-ciri ilmu fardhu kifayah yang sering diperkatakan ialah ilmu yang menjadi pelengkap kepada ilmu fardhu ain atau ilmu yang wajib dimiliki oleh masyarakat.

Ilmu falak sebagai ilmu yang wajib dimiliki oleh masyarakat pula sering dinyatakan sebagai ilmu yang sekumpulan anggota atau individu yang ada mengamalkannya. Walau bagaimanapun, kenyataan ini menjadi agak longgar jika hukum ini tidak dilaksanakan bersama dengan usaha memajukan, mengembangkannya, menyebar dan mempraktikkannya dalam masyarakat. Jika ilmu falak dikatakan ilmu fardhu kifayah, maka usaha-usaha menyelidik, membuat inovasi dan mempopularkannya juga sepatutnya menjadi fardhu kifayah. Dengan ini, kedudukan ilmu falak sebagai ilmu fardhu kifayah bukan hanya retorik, tetapi merupakan sesuatu yang bersifat praktik.

Tafsiran ilmu falak sebagai ilmu

penyelidik dan penggubal teori atau terhad kepada pengguna aplikasinya sahaja? Berdasarkan dua peringkat penyumbang aktiviti sains termasuk ilmu falak, masyarakat lebih kenal pengguna aplikasi daripada penyelidik dan penggubal teori. Sebagai contoh, perbezaan aktiviti falak antara seorang penyusun takwim dengan seorang pengkaji lain yang menyelidik fizik matahari. Biasanya, penyelidikan ini dilakukan oleh seorang ahli fizik yang bekerja mengikut prosedur tersendiri. Sebaliknya, ahli-ahli falak yang kerjanya menghitung takwim (sebenarnya mereka hanya pengguna aplikasi falak), golongan ini lebih dekat dengan masyarakat.

Hakikatnya, daripada kajian fizikal matahari, maka jadual

di UniSZA, matra ilmu falak merangkumi ilmu fiqah, fizik dan ilmu ukur. Rangkuman ini dijelaskan secara praktik dalam sukatan kursus dan aktiviti falak di UniSZA.

Aktiviti Ilmu Falak di UniSZA

Ilmu falak disebar di Malaysia sebagai satu disiplin ilmu agama yang menjadi sebahagian daripada keperluan ilmu fiqah. Dominasi para ulama dalam mengembangkan ilmu ini bukan semata-mata kerana kewibawaan institusi ulama, tetapi disebabkan perkaitan rapat ilmu tersebut dengan keperluan agama. Dengan mengekalkan status ilmu falak sebagai bidang sains-agama, tanggungjawab melaksanakan aktiviti falak di Malaysia terus diletakkan sebagai bidang tugas pihak berkuasa agama. Menjelang tahun 2000, secara lebih jelas, aktiviti falak diletakkan bawah jabatan mufti negeri. Sedekad lebih awal, KUSZA dalam usaha menerajui kursus-kursus berorientasikan kemahiran bersepadu dan integrasi ilmu, telah memperkenalkan Program Sijil Falak. Apabila UniSZA ditubuhkan pada tahun 2007 program sijil ini diteruskan.

Antara lain objektif program sijil ini ialah untuk menyediakan peluang kemahiran insaniah dengan potensi kebolehpasaran kepada graduan UniSZA. Dalam era UniSZA juga, sejumlah kursus elektif falak ditawarkan di bawah Jabatan Syariah dan Jabatan Sains Sosial, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Secara umum, penawaran kursus-kursus ini membolehkan pelajar mempunyai pengetahuan falak dalam konteks sains, fiqah dan budaya. Begitu juga dengan sejumlah bajet yang telah diperuntukan untuk penyelidikan falak yang bersifat kualitatif dan kajian eksperimental.

Rujukan:

- Sardar, Ziauddin. 1991. *Sains, Teknologi dan Pembangunan di Dunia Islam*. Kuala Lumpur: YADIM.
- Shaharir Mohamad Zain. 2000. *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.



fardhu kifayah tidak akan berubah, tetapi ilmu falak harus dicernakan dalam bentuk yang dinamik, mengikut keperluan syariah, natijah teknologinya, keadaan masyarakat serta kemampuan manusia sebagai pengkaji dan pengguna. Tumpuan kepada aspek aplikasi falak sahaja boleh menyebabkan kedudukan ilmu falak sebagai ilmu fardhu kifayah menjadi lemah. Oleh itu, usaha-usaha untuk meletakkan kedudukan ilmu falak sebagai ilmu fardhu kifayah yang mantap, memerlukan penglibatan aktiviti sains yang lebih meluas. Persoalan status ilmu fardhu kifayah juga berkisar mengenai had keistimewaan fardhu kifayah ini dalam aktiviti sains. Apakah keistimewaan fardhu kifayah dinikmati juga oleh ahli

kedudukan matahari dan rumusnya dapat diterbitkan. Ahli-ahli fizik ini juga bertanggungjawab menguji ketepatan sesuatu teori atau jadual sebelum boleh digunakan untuk menyusun takwim. Yang mana satu memenuhi tanggungjawab fardhu kifayah? Jawapannya, kedua-duanya memenuhi tanggungjawab fardhu kifayah. Tetapi senario masyarakat lebih menumpukan perhatian dan penghargaan kepada penghasil produk akhir, iaitu ahli-ahli takwim. Justeru itu, ahli-ahli falak fizikal yang kebanyakannya terdiri daripada profesional fizik juga melakukan aktiviti yang bersifat fardhu kifayah ini. Masalah persepsi yang berbeza ini juga berlaku kerana dualisme dalam pendidikan. Oleh itu, dalam konteks ilmu falak yang dipraktikkan





Penerbitan Ilmiah di Institusi Pengajian Tinggi Awam

Oleh: Zurina Mansor

Penerbitan ilmiah adalah nyawa kepada citra penerbitan kebangsaan - penerbitan yang menjadi pancang dalam pembinaan tamadun. Sehebat mana pun bangsa itu dalam penerbitan, tanpa penerbitan ilmiah, kehebatan itu tidak akan kekal lama. Penerbitan ilmiahlah yang akan menancapkan kehebatan bangsa itu dalam sejarah kewujudannya.

(Hamed, 2006)

Berdasarkan kenyataan Hamed (2006) tersebut, sudah terang lagi bersuluh bahawa penerbitan ilmiah memang tidak dapat disangkal kepentingannya dalam pembinaan sesebuah tamadun. Penghasilan karya-karya ilmiah tidak sama seperti menulis cereka dan fiksiyen. Kandungan yang ingin

telah membuktikan kerajaan zaman klasik hingga ke pascamoden, budaya berfikir ilmiah banyak ditandai oleh penghasilan penulisan karya-karya ilmiah (Mohd Azhar et. al. 2001).

Apa yang dimaksudkan dengan penerbitan ilmiah? Penerbitan ilmiah adalah sistem penerbitan yang bertujuan untuk menyebarkan karya-karya ilmiah yang dihasilkan oleh para sarjana dan karyawan sebagai penyumbang kepada korpus ilmu. Hasrom (2007) menyatakan bahawa karya yang bersifat ilmiah merupakan karya bertulis hasil penyelidikan asli yang menyatakan suatu persoalan kajian baru yang dapat memajukan ilmu pengetahuan ke perbatasan baru. Karya ilmiah yang diterbitkan adalah sebuah terbitan yang formal mengikut struktur dan gaya tertentu. Di samping itu, karya tersebut mesti membentangkan sorotan kajian atau

atau karya yang cuba mengulas kajian-kajian yang lepas dan cuba meletakkannya dalam satu perspektif teori atau analisis masa dan ruang.

Roosfa (2011) menyatakan bahawa kegiatan penerbitan ilmiah di Malaysia bermula dengan tumbuhnya minat yang tinggi dalam kalangan pegawai kolonial British terhadap pelbagai perkara baru yang mereka temui di Tanah Melayu yang antaranya meliputi catatan peribadi, perekodan flora dan fauna, pendokumentasian aspek etnografi, sosiologi, budaya, dan bahasa. Pusat penerbitan yang awal adalah di Negeri-negeri Selat. Bermula dari sinilah, kegiatan penerbitan di Malaysia tumbuh dan membangun. Namun, kedudukan Malaysia dalam peta penerbitan dunia masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan enam negara paling maju dalam penerbitan iaitu Amerika Syarikat, Jerman, Britain, Perancis, Sepanyol dan Jepun.

Dari segi jumlah judul penerbitan setahun, tentunya kita tidak pernah bermimpi untuk berganding bahu dengan enam negara paling maju dalam penerbitan- Amerika Syarikat, Jerman, Britain, Perancis, Sepanyol dan Jepun. Kita juga masih jauh di bawah bahu negara-negara lapisan kedua dalam penerbitan – China, Korea, Belanda, India, Australia, negara-negara Scandinavia, dan sebagainya. Finland cuma memiliki tujuh juta penduduk, tetapi pengeluaran bukunya setahun secara purata melebihi 20,000 judul. Kita dengan 26 juta penduduk hanya mengeluarkan selebih-lebihnya 7,000 judul buku setahun. Jika begitu, kita terperosok di bawah sana, bersama-sama negara seperti Burundi, Maldives, Somalia dan lain-lain yang sebahagiannya cukup mengagumi kita kerana pencapaian ekonomi negara yang lebih baik daripada mereka.

(Hamed 2008)



dipersembahkan dalam sesebuah karya ilmiah memerlukan kemahiran menaakul, membaca, mengumpul fakta, menilai dan membina hujah. Wacana yang dihasilkan perlu meneroka pelbagai idea yang kritis dan analitis berdasarkan bidang kepakaran penulis tersebut. Sejarah

tinjauan literatur dengan meletakkan kedudukan kajiannya, tekal dalam pembuktian serta tidak dipengaruhi oleh sebarang ramalan atau andaian. Karya ilmiah juga boleh dihasilkan berdasarkan sumber sekunder khususnya yang membicarakan aspek teoretikal sesuatu isu,

Di institusi pengajian tinggi, khususnya Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), selain daripada pengajaran dan pembelajaran, kecemerlangan universiti dan para akademianya turut dilihat daripada aspek penyelidikan dan penerbitan. Sudah tentu penerbitan yang dimaksudkan adalah penerbitan ilmiah. Penerbitan ilmiah bukan sahaja penting untuk membina keserjanaan seseorang ahli akademik, tetapi juga berperanan untuk menyebarkan dan memajukan sesuatu bidang ilmu. Malah, penghasilan karya-karya ilmiah sama ada dalam bentuk buku, bab dalam buku, artikel jurnal, monograf dan sebagainya telah diberikan pemberat tertentu untuk tujuan pengesahan jawatan dan kenaikan pangkat seseorang pensyarah.

Bagi menyokong usaha-usaha penerbitan ilmiah dalam kalangan sarjana, setiap IPTA menubuhkan unit atau jabatan penerbitnya sendiri. Penerbit universiti ditubuhkan khas untuk memberikan tumpuan kepada penerbitan karya-karya ilmiah, selain turut memberi ruang kepada terbitan-terbitan berbentuk separa ilmiah yang sesuai dengan alam akademik. Di samping membangunkan program penerbitan ilmiah di universiti masing-masing, penerbit universiti juga berperanan untuk menguruskan latihan kemahiran penulisan, pewasitan dan penyuntingan. Penerbit universiti juga bertanggungjawab untuk menguruskan promosi, pemasaran serta pameran terbitan yang dihasilkan.

Setiap penerbit IPTA merupakan ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) yang telah diluluskan penubuhannya oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu MAPIM pada 22 Mei 1997. Selain daripada penerbit IPTA, keahlian MAPIM juga terdiri daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), institut penyelidikan dan agensi kerajaan. MAPIM adalah sebuah badan yang bergiat aktif dalam pembangunan bidang penerbitan ilmiah dan saintifik.

Dalam Bengkel Hala Tuju MAPIM pada 16-18 Mac 2012, beberapa isu yang mengekang kelancaran penerbitan ilmiah telah dikenalpasti dan dibincangkan. Perkara utama yang dibincangkan adalah berkaitan dengan organisasi penerbitan yang kurang mantap di setiap IPTA. Hal ini meliputi

perjawatan, kepimpinan, peruntukan dan prasarana yang disediakan untuk setiap penerbit, terutamanya bagi penerbit universiti yang masih muda. Penerbit universiti juga berhadapan dengan kekangan sumber manusia untuk menghasilkan karya ilmiah. Isu-isu ini memerlukan perhatian yang serius dari pelbagai pihak bagi menjamin kelestarian penerbitan ilmiah. Organisasi penerbitan yang sedia ada perlu dimantapkan daripada semua segi sama ada perjawatan, kepimpinan, peruntukan ataupun prasarananya bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam menghasilkan terbitan ilmiah.

Penghasilan karya-karya ilmiah perlu dibudayakan dalam kalangan ahli akademik setiap universiti. Penulisan ilmiah mesti dihasilkan atas dasar minat dan kewajipan sebagai seorang ilmuwan dalam menyebarkan ilmunya, bukan dengan tujuan untuk mencukupkan penulisan atau penerbitan ilmiah bagi tujuan kenaikan pangkat semata-mata. Karya ilmiah yang dihasilkan perlu benar-benar menepati piawaian ilmiah yang sebenar. Dalam keadaan apa sekali pun, tujuan dan matlamat akhir seseorang itu menulis secara ilmiah adalah untuk mempersembahkan fakta, hujah dan mengemukakan kebenaran tentang sesuatu fenomena. Ini adalah peranan dan tanggungjawab golongan intelektual menghurai, menjelas dan menyatakan suatu fenomena yang berlaku secara empirik dan saintifik tanpa dipengaruhi oleh kepentingan peribadi atau berpihak kepada pihak lain (Mohd Azhar *et. al.* 2001). Oleh itu, bagi menerbitkan karya-karya ilmiah ini, prosesnya adalah panjang dan mendalam bagi menjamin mutu dan kewibawaannya dalam memartabatkan ilmu pengetahuan.

Kebiasaannya, hasil penulisan akademik hanya disasarkan dan sampai kepada komuniti akademik sahaja. Justeru, kepelbagaian gaya dan bentuk penulisan juga perlu dipraktikkan dalam kalangan sarjana, misalnya dengan menggunakan bahasa yang mudah dan menulis dalam majalah, akhbar atau buletin tentang bidang dan hasil kajian masing-masing supaya ilmu tersebut sampai kepada masyarakat umum. Pendekatan sebegini memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapat maklumat tentang bidang-

bidang penyelidikan yang dijalankan di universiti serta mengenali pakar-pakar dalam bidang-bidang berkenaan.

Selain itu, seseorang penulis mesti memahami dan berpegang kepada kod etika penulisan ilmiah. Nilai-nilai etika ini adalah asas kepada integriti ilmiah sesebuah karya. Pelanggaran kod dan etika ilmiah oleh ahli akademik secara jelasnya, menjejaskan integriti dalam alam akademik itu sendiri. Mohamed Yusoff (2011) mengistilahkan pelanggaran etika ini sebagai 'kecurangan' atau 'jenayah akademik' dan membahagikannya kepada tiga jenis iaitu pembohongan dalam penulisan, penipuan dalam penerbitan, dan salah laku dalam tugas pengajaran, penyeliaan dan penyelidikan. Setiap satunya pula terdiri daripada pelbagai kecurangan akademik yang dilakukan seperti plagiat, boncengan gratis, penyelewengan maklumat dan sebagainya. Namun, artikel ini hanya memfokuskan sedikit kepada amalan plagiat dan boncengan gratis.

Plagiat merupakan salah satu daripada pelanggaran etika yang berlaku dalam dunia akademik. Isu plagiat bukan isu kecil yang boleh dipandang enteng, bahkan isu ini merupakan isu sensitif dalam dunia akademik. Unsur-unsur plagiat boleh berlaku dengan sengaja atau tidak disengajakan. Secara sengaja, amalan plagiat terjadi apabila penulis menyalin atau meniru hasil tulisan penulis lain dan menjadikannya sebagai tulisan peribadinya. Secara tidak sengaja pula boleh berlaku akibat kecuaiannya penulis mengiktiraf bahan yang dirujuk sama ada dalam gaya pengarang-tarikh (author date system), nota kaki, nota hujung atau senarai rujukan. Meskipun 'ketidaksengajaan' ini seolah-olah remeh, tetapi berupaya menimbulkan impak yang besar dalam dunia akademik.

Satu lagi amalan yang semakin ketara dalam dunia akademik kini iaitu amalan menumpang nama atau boncengan gratis. Hal ini diketengahkan oleh Muhammad Syukri (2011) menerusi rencananya berjudul *Sindrom Boncengan Gratis dalam Dunia Akademik*. Secara mudahnya, boncengan gratis adalah amalan meletakkan nama dalam satu-satu karya tanpa memberikan sebarang sumbangan dalam bentuk penulisan. Konvensyen



kepengarangan telah menetapkan tujuh syarat bagi melayakkan seseorang itu meletakkan namanya dalam sesebuah karya iaitu:

1. Kesemua mereka perlu terlibat secara aktif dalam menjana keaslian idea penulisan tersebut.
2. Mereka perlu terlibat secara aktif dalam membina reka bentuk dan penulisannya.
3. Mereka perlu bertanggungjawab dalam pengamatan dan pengumpulan data.
4. Mereka perlu memainkan peranan kepimpinan mengikut kapasiti masing-masing dalam pelaksanaan kajian yang dijadikan asas penulisan tersebut.
5. Mereka perlu terlibat sepenuhnya dalam proses menulis dengan sahaja menulis draf manuskrip, tetapi juga mengulang kaji dan menyemak manuskrip tersebut.
6. Mereka perlu bertanggungjawab sepenuhnya ke atas manuskrip akhir.
7. Mereka perlu mampu mempertahankan penerbitan mengikut disiplin profesional masing-masing.

Ini bermakna, tidak cukup untuk seseorang itu meletakkan namanya dalam sesebuah karya ilmiah sekiranya mereka tidak turut sama menulis. Dalam kata lain, sekiranya mereka hanya menyumbang secara pasif dalam bentuk yang sememangnya telah menjadi tugas asas, umpamanya mengumpul data, memberi idea, menyunting atau menguruskan pentadbiran berkaitan dengan proses-proses penerbitan, ini masih

tidak melayakkan mereka untuk meletakkan nama sebagai penulis bersama bagi karya tersebut. Mohd Shukri (2011) menyatakan bahawa ahli akademik perlu memahami dan tidak salah tanggapan dengan situasi bahawa dengan hanya memberikan idea, tunjuk ajar, bimbingan dan menyemak hasil sesuatu penulisan akademik, mereka layak meletakkan nama dalam penulisan berkenaan. Walau bagaimanapun, Muhammad Syukri (2011) menyatakan bahawa ketujuh-tujuh syarat ini tidak semua dipenuhi oleh kesemua ahli akademik masa kini.

Kesimpulannya, kelestarian penerbitan ilmiah bergantung kepada peranan yang dimainkan oleh para sarjana atau pengarang, organisasi penerbitan dengan sokongan pengurusan IPTA dan juga pihak kerajaan. Selain daripada tugas melibatkan pengajaran dan pembelajaran, ahli akademik perlu menjadikan penulisan ilmiah sebagai satu *passion* atau keberahian bagi membina kesarjanaannya dalam sesuatu bidang, tanpa mengabaikan kod dan etika penulisan ilmiah. Pihak pengurusan universiti pula, berasaskan kepada dasar-dasar yang ditetapkan oleh kerajaan terhadap pembangunan penerbitan ilmiah, perlu berusaha untuk memantapkan organisasi-organisasi penerbitan dari segi perjawatan, kepimpinan, prasarana dan juga peruntukan; bukan sahaja dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan penerbitan universiti, bahkan juga berupaya meningkatkan jumlah terbitan ilmiah yang bermutu dan menepati integriti keilmiahannya. Jika semua individu dan institusi

yang terlibat dengan penerbitan ilmiah ini memainkan peranan masing-masing, maka tidak mustahil, Malaysia akan mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara yang menjadi peneraju utama penerbitan ilmiah di dunia ini.

Rujukan

- Hamedi Mohd Adnan. 2006. Tingkatkan penerbitan ilmiah. *Utusan Malaysia*. <http://www.utusan.com.my> [6 Mei 2012].
- Hamedi Mohd. Adnan. 2008. Memahami Penerbitan Buku. Bandar Baru Bangi: Medium Publications.
- Hasrom Haron. 2007. Dasar dan Peraturan Penerbitan Universiti Darul Iman Malaysia. Kuala Terengganu: Penerbit UDM.
- Mohd Azhar Abd Hamid, Halimah Ma'alip, Paimah Atoma, Sanitah Mohd Yusof, Sofri Ibrahim, Yusof Boon, Zaliza Mohd Nasir & Zainudin Hassan. 2001. *Pengenalan kepada Penulisan Ilmiah*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohamed Yusoff Ismail. 2011. Integriti dalam dunia akademik. *Utusan Malaysia*. <http://www.utusan.com.my> [10 Mei 2012].
- Mohd Shukri Hanapi. 2011. Amalan menumpang nama. *Dewan Masyarakat*. Oktober: 26-27.
- Muhammad Syukri Salleh. 2011. Sindrom boncengan gratis dalam dunia akademik. *Utusan Malaysia*. <http://www.utusan.com.my> [6 Mei 2012].
- Roosfa Hashim. 2011. Daripada Tesis kepada Buku. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Wild Kenyir

By: Anuar McAfee

While spending time at lake Kenyir conducting bird surveys recently, I had the good fortune to come across a group of dedicated researchers stationed in the Kenyir Wildlife Corridor. The research group known as 'Rimba' were doing a detailed study of mammals in the surrounding forest and assessing the impact the new highway was having on their ability to move about freely. The group set up a grid of camera traps throughout the forest, and has been collecting data for over a year now. Their camera traps are positioned along forest trails. The cameras are triggered whenever an animal walks past. They record colour photos or video in the daytime, and black and white images at night using an infrared camera. They have found a wealth of wildlife. An incredible 32 mammal species, including bears, elephants, and six of the seven wildcat species known to exist in Peninsular Malaysia have been observed. While the researchers concern themselves mostly with mammals, the camera traps have also recorded difficult to encounter bird species. The birds photographed using the camera traps are the first evidence we have of some of these species inhabiting Kenyir. This information has contributed greatly to our knowledge of what avifauna lives in Terengganu. Sadly, the researchers with 'Rimba' have also uncovered evidence of human encroachment, snares and poaching in the Kenyir Wildlife Corridor. The photographs shown here are all from the camera traps operated by 'Rimba' and illustrate the importance of the Kenyir Wildlife Corridor in the survival of threatened wildlife. For more information on the research and discoveries at Kenyir, visit www.myrimba.org



Malayan Tiger (*Panthera tigris*)



Sambar deer (*Rusa unicolor*)



Sun bear (*Helarctos malayanus*)



Barking deer (*Muntiacus muntjak*)



Asian elephant (*Elephas maximus*)



Clouded Leopard (*Neofelis nebulosa*)



Leopard (*Panthera pardus*)



Serow (*Capricornis sumatraensis*)



Dr. Azrin Rangkut Anugerah

Pensyarah Kanan di Jabatan Kewangan dan Perbankan, Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr. Ahmad Azrin Adnan berjaya mengharumkan nama universiti apabila memenangi Anugerah Tesis Terbaik Yayasan Nurul Yaqeen 2011 (dahulunya dikenali sebagai Anugerah Tesis Terbaik Tan Sri Muhyiddin Yassin).

Majlis penganugerahan ini berlangsung di Pullman Putrajaya Lakeside pada 16 April 2012. Ia merupakan penganjuran kali ketiga oleh Yayasan Nurul Yaqeen yang disempurnakan oleh Timbalan

Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Muhyiddin Mohd Yassin merangkap Pengerusi Yayasan Nurul Yaqeen.

Tesis bertajuk 'Penentu Pemilihan Institusi Perbankan Islam dalam Kalangan Muslim di Terengganu' ini pernah meraih Anugerah Tesis Cemerlang Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) Universiti Sains Malaysia (USM) pada 18 Mac 2011 dan dicalonkan untuk Anugerah Tesis Terbaik USM 2011.

Menurut Dr. Ahmad Azrin, tesis ini telah memberikan implikasi yang signifikan kepada aspek teoretikal dan praktikal dari segi teoretikal ia

telah mengetengahkan satu model konsep Penentu Pemilihan Bank Menurut Muslim Ideal (PPBMMI) yang kemudiannya dijadikan instrumen untuk meneliti kepatuhan gelagat Muslim dalam urusan pemilihan bank. Instrumen ini kini telah diguna pakai oleh sekumpulan penyelidik USM dan seorang pelajar siswazah di USM.

Dari segi praktikal pula, ia telah menghasilkan beberapa input baru kepada pelaksanaan kurikulum pelajaran sedia ada di semua peringkat pengajian, polisi institusi perbankan Islam dan kedudukan semasa pendidikan kepenggunaan.

Paling menarik, kajian ini membuktikan bahawa umat Islam sebenarnya bukan berhadapan dengan krisis pengetahuan mahupun kesedaran, tetapi krisis tindakan, iaitu beramal dengan apa yang diketahui. Pada ketika usaha lebih banyak tertumpu kepada pengkayaan pengetahuan dan kesedaran, tumpuan kini seharusnya beralih kepada pengkayaan tindakan. Dengan dorongan dan bimbingan Profesor Dr. Muhammad Syukri Salleh dan Dr. Zakaria Bahari di ISDEV, tesis ini tidak hanya berjaya disiapkan dalam tempoh tiga tahun tetapi juga menghasilkan pelbagai bentuk penerbitan. Selain itu, tempoh cuti belajar berjaya dimanfaatkan oleh Dr. Ahmad Azrin dengan menjadi Penyelidik Pelawat di Islamic Research and Training Institute (IRTI), Islamic Development Bank (IDB), Jeddah, Arab Saudi.

Kelab Pantun UniSZA Muncul Johan Kumpulan A

Kelab Pantun Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di bawah kendalian Pusat Seni dan Warisan muncul johan bagi Kumpulan A dalam Karnival Kesenian dan Integrasi Budaya Pantun 2012. Karnival anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ini telah diadakan pada 16 hingga 18 Februari 2012 dengan objektifnya untuk mengasah bakat mahasiswa terhadap kesenian kebudayaan berpantun. Seramai empat orang pelajar, telah mewakili UniSZA iaitu Mohammad Abdullah, Nur Hidayat Jamalludin, Mohd Husaini Mohamad Rofi dan Ely Izran Jahari. Karnival kali ini turut disertai oleh 11 universiti dari seluruh Malaysia.





Lawatan MQA ke FPSK

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UniSZA telah menerima kunjungan Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualification Agency, MQA) pada 24 November 2011 bertempat di Bilik Mesyuarat LPU, Kampus Kota. Lawatan ini bertujuan mengadakan penilaian terhadap Program Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS). Ahli panel yang terlibat dalam lawatan tersebut ialah Prof. Datuk Dr. Abdul Razzak Mohd Said dari Kolej Perubatan Melaka Manipal, Profesor Dr. Zabidi Azhar Mohd

Hussin dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Dr. Hajah Suzain Datuk Suhaimi yang merupakan Ahli Majlis Perubatan Malaysia. Pegawai MQA yang turut serta dalam lawatan ini ialah Cik Intan Zarina Zainal Abidin.

Sesi pagi aturcara lawatan melibatkan taklimat / pembentangan oleh Dekan, Timbalan Dekan serta pensyarah FPSK mengenai kampus dan program yang dipohon serta tindakan yang telah diambil berkaitan *areas of concern* yang dikenalpasti semasa lawatan terdahulu. Ahli panel turut mengadakan perjumpaan



dengan staf akademik, para pelajar kohort pertama MBSS, pakar-pakar Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) dan wakil Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT).

Pemantauan ke FPSK diakhiri dengan *exit meeting* yang dilaporkan oleh Ketua Panel, Profesor Datuk Dr. Abdul Razzak Mohd Said melibatkan perkara-perkara yang perlu disediakan untuk pemantauan susulan. FPSK amat berbangga menerima kunjungan ahli panel tersebut bagi tujuan penambahbaikan fakulti khususnya dan UniSZA amnya.

Majlis Makan Malam dan Anugerah Kecemerlangan Pelajar

Semester I Sesi 2011 / 2012



Pada 16 Mac 2012, Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) dengan kerjasama Persatuan Mahasiswa Undang-Undang (FLAIRSOC) telah mengadakan Majlis Makan Malam dan Anugerah Kecemerlangan Pelajar FUHA semester I sesi 2011 / 2012 bertempat di Riyaz Heritage Marina Resort, Pulau Duyong, Kuala Terengganu. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dato' Profesor Dr. Alias Daud.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberikan penghargaan kepada para pelajar FUHA yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam bidang akademik dan ko-kurikulum pada semester I sesi 2011 / 2012. Majlis ini juga turut meraikan para pensyarah dan kakitangan FUHA yang dipilih melalui undian pelajar bagi Anugerah Pensyarah Popular, Mentor Popular dan Staf Pentadbiran Popular.



Majlis Anugerah Dekan

Semester I Sesi 2011/2012

Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi

Majlis Anugerah Dekan semester I sesi 2011/2012 telah dijalankan pada 1 Mac 2012 bertempat di Dewan Auditorium, Bangunan Akademik yang disempurnakan oleh Dekan, Dr. Saiful Bahri Mohamed. Tujuan utama majlis ini adalah bagi meraikan pelajar yang berjaya dalam bidang akademik. Majlis ini melibatkan semua pelajar dan staf FRIT. Seramai 48 orang pelajar menerima sijil Anugerah Dekan iaitu 27 orang bagi Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian, tujuh orang bagi Diploma Reka Bentuk Perindustrian dan 14 orang pelajar bagi Diploma Teknologi Pembuatan. Anugerah Terbaik Program bagi Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk Perindustrian dianugerahkan kepada Nor Mastura Abdul Halim, bagi Program Diploma Reka Bentuk Perindustrian pula dianugerahkan kepada Vivian Lim Shi Wei dan program Diploma Teknologi Pembuatan ialah Che Wan Nur Syazwani Che Wan Abdul Aziz.

Anugerah Terbaik Fakulti pula dianugerahkan kepada Mohd Syahmi Mohd Shafee. Selain daripada anugerah tersebut, hadiah juga diberikan kepada staf fakulti dalam beberapa kategori Anugerah Popular yang dikendalikan oleh pelajar seperti berikut;

1. **Anugerah Pensyarah IDE Popular**
– En. Nazri bin Yusof
2. **Anugerah Pensyarah Mantech Popular**
– Puan Rozimah binti Yusof
3. **Anugerah Staf Sokongan Akademik Popular**
– En. Mohd Hosni bin Rifin
4. **Anugerah Staf Sokongan Pentadbiran Popular**
– Cik Zainy binti Muda @ Sudi

Majlis Penghargaan Pelajar

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Fakulti Undang-Undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah mengadakan Majlis Penghargaan Pelajar FUHA dan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) sempena kejayaan pasukan FUHA yang telah menjuarai *Tan Sri Harun M. Hashim National Client Consultation Competition 2012* dan pasukan FKI yang telah berjaya ke peringkat separuh akhir Pertandingan Debat Diraja 2012 (Bahasa Arab) dan mendapat tempat ke-4 daripada 16 pasukan bertanding. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dato' Profesor Dr. Alias Daud. Majlis ini diadakan pada 25 Mac 2012 bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan UniSZA Kampus Gong Badak.



Majlis Penghargaan Sempena NST-Peugeot Design Competition 2011

Pada 15 Mac 2012, jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Auditorium, Perpustakaan Kampus Gong Badak, satu majlis penghargaan sempena NST-Peugeot Design Competition 2011 telah dijalankan bagi menganugerahkan sijil penghargaan kepada pelajar yang berjaya dalam pertandingan tersebut. Pada majlis tersebut, pihak universiti telah memberi ganjaran kepada para pelajar yang berjaya dan mentor yang terlibat. Pemenang hadiah utama, Muhammad Afiq Yahyaawal dan Hamizah Johan menerima RM 500 setiap seorang manakala mentornya, En. Firoz @ Mohd Firoz Ahmat Basri menerima RM1000. Tempat ketiga dimenangi oleh pasangan Nor Mastura Abdul Halim dan Rafi Shah Jayarajah masing masing menerima RM375, manakala mentornya menerima RM750.



Majlis penghargaan tersebut disempurnakan oleh Dato' Naib Canselor

Saguhati sebanyak RM250 diberikan kepada Ahmad Shafiq Aiman Mohamed Razif dan Nor Aziewani Mohd Ghani serta mentor mereka En. Nazri Yusof yang turut serta dalam pertandingan tersebut.

Majlis Perbarisan Pemakaian Pangkat Pengawal Keselamatan

Jabatan Keselamatan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan satu majlis Perbarisan Pemakaian Pangkat Pengawal Keselamatan pada 18 Mac 2012. Majlis ini diadakan di kawasan tempat letak kereta di perkarangan Balai Pengawal Kampus Gong Badak bermula jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Pengarah Keselamatan UniSZA, Tuan Rosli Mahadi telah menyempurnakan majlis perbarisan tersebut. Seramai 12 orang pengawal keselamatan telah dipilih untuk menerima pangkat (bukan hakiki) tiga calit, dua calit dan satu calit .

Kenaikan pangkat (bukan hakiki) dari 2 calit kepada 3 calit diberikan kepada:

1. En. Romli Husin
2. En. Aswadi Ali
3. En. Yusof Abu Bakar
4. En. Muliadi Mohd
5. En. Mohmad Chik

Kenaikan pangkat (bukan hakiki) dari 1 calit kepada 2 calit pula diberikan kepada:

1. En. Cik Pa @ Mustafa Mohd
2. En. Ahadar Deraman
3. En. Rizuan Yadi Mad Yusof
4. En. Mohd Nasir Abdullah

Seterusnya penerima kenaikan pangkat (bukan hakiki) 1 calit pula ialah:

1. En. Mohd Muizzadman bin Mohd Nor
2. En. Razali bin Jusoh
3. En. Yusaini bin Che Yusof



Pelajar UniSZA Pertama Berjaya

Tawan Gunung Ledang

Seramai 37 orang pelajar program Reka Bentuk Perindustrian dan empat orang staf Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) telah mengikuti ekspedisi FRIT Menawan Gunung Ledang 2012. Aktiviti ini bermula pada 29 Mac dan berakhir pada 31 Mac 2012.

Objektif ekspedisi ini dijalankan adalah untuk membuka minda para peserta bagi menghargai keindahan alam sekitar di samping memberi kesedaran tentang kepentingan penjagaan alam semula jadi.

Sepanjang program tersebut, para pelajar berkhemah di tapak perkhemahan Gunung Ledang. Para peserta memulakan pendakian pada hari ke dua bermula pukul 8.00 pagi dengan dibantu oleh dua orang pegawai Jabatan Perhutanan Johor sebagai penunjuk arah. Setibanya di puncak gunung, azan dilaungkan



dan kain rentang bertemakan 'XPDC FRIT Menawan Gunung Ledang 2012' dibentangkan serta diiringi nyanyian lagu UniSZA oleh peserta. Para peserta mula menuruni Gunung Ledang dan tiba di kaki gunung pada jam 10.00 malam.

Tempat Ketiga Milik Kelab Pantun UniSZA

Pada 5 hingga 8 April 2012, Kelab Pantun Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menyertai Pesta Pantun Bestari 2012 bertempat di Universiti Malaya (UM). Pesta Pantun yang diadakan pada setiap tahun ini bertujuan untuk melahirkan pamantun yang bijak berbahasa menggunakan kiasan lama secara spontan, menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu melalui pantun serta menyediakan platform untuk para pelajar dari pelbagai universiti di Malaysia bertanding secara sihat dan untuk mencungkil bakat dan kemahiran para pelajar di universiti dalam berkomunikasi dan berfikir secara kritis dan kreatif bagi menyelesaikan masalah.

Kelab Pantun UniSZA telah membuktikan bahawa mereka bukan sekadar *jaguh kampung* apabila mendapat tempat ketiga dalam pesta pantun yang

turut disertai oleh 14 buah universiti yang lain. Antara pelajar yang terlibat ialah Mohammad Abdullah, Nur Hidayat Jamalludin, Mohd Husaini Mohamad Rofi dan Nur Suaidah Sulaiman. Masing-masing membawa pulang pingat dan wang tunai.



Situ Sini Debat

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah dinobatkan sebagai johan Peringkat IPT Pantai Timur dan menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM8000 dalam pertandingan '1st IIUM East Coast Intersivity Debating Cup' yang telah diadakan pada 27 hingga 29 Januari 2012 di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Pahang. Wan Zainuddin Ali Aspar telah dinobatkan sebagai pendebat terbaik. Manakala pada 24 hingga 28 Februari 2012, seramai empat orang wakil pelajar UniSZA telah menyertai pertandingan Debat Perdana Integriti antara Institusi Pengajian Tinggi 2012 yang telah diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP). UniSZA telah dinobatkan sebagai naib johan antara IPT dan telah menerima hadiah berupa wang tunai sebanyak RM4000.

Prof. Madya Dr. Lua Pei Lin Raih Tempat Ketiga di 3rd International Conference on Rural Medicine (ICORM) 2011

Ketua Pusat Kajian Klinikal dan Kualiti Hidup (PKKKH), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Prof. Madya Dr. Lua Pei Lin telah memenangi tempat ketiga dalam pembentangan di *3rd International Conference on Rural Medicine (ICORM) 2011* baru-baru ini.

Persidangan dwi-tahunan ini merupakan anjuran Sekolah Perubatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersama *Asia-Pacific Academic Consortium for Public Health, UMS Rural Medicine Research Unit, Persatuan Perubatan Desa Sabah dan Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia*.

Persidangan ini telah berlangsung di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu pada 22 hingga 24 November 2011 dan dihadiri oleh seramai lebih 200 orang peserta dari dalam dan luar negara, yang kebanyakannya terdiri daripada pakar kesihatan awam, ahli akademik, penyelidik Kementerian Kesihatan Malaysia serta penuntut siswazah.



Keputusan akhir panel juri yang menganugerahkan hadiah tempat ke-3 tersebut adalah menerusi kertas kerja bertajuk *HIV Education Delivery via Short Message Service (SMS): Impact on Patient Acceptability, Drug Adherence and Satisfaction*. Kertas kerja ini mewakili sebahagian daripada hasil kajian induknya yang bertajuk *Conventional, IT-Based and Holistic Pharmaceutical Care Models: A Randomised, Controlled Study in HIV-Infected Population* yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) dan kini dalam fasa terakhir pelaksanaannya.

Projek ini juga berbentuk kerjasama penyelidikan antara PKKKH bersama Jabatan Perubatan dan Jabatan Farmasi Hospital Sultanah Nur Zahirah yang turut dianggotai oleh Dr. Ahmad Kashfi Abdul Rahman, Dr. Farah Nadiyah Sulaiman, Rohana Hassan dan Ahmad Bakhtiar Abdul Aziz.

Kemenangan ini juga merupakan penghargaan kali kedua pada tahun ini melalui kajian yang sama. Sebelum ini sebuah lagi kertas kerja hasil kajian rintisnya bertajuk *The HIV MTAC: Association of Drug Adherence And Satisfaction Towards Pharmaceutical Care Services* telah memenangi hadiah Poster Terbaik di *16th Malaysian Conference on Psychological Medicine* pada 21 hingga 23 Julai lepas di Hotel Sheraton Imperial, Kuala Lumpur.

Penghargaan seumpama ini mampu menjadi penyuntik motivasi dan semangat kepada golongan akademik untuk terus memperkasa aktiviti-aktiviti penyelidikan di UniSZA khususnya dalam bidang perubatan dan sains kesihatan.

The 2012 Philip C. Jessup International Law Moot Court Competition

Pada 25 dan 26 Februari 2012 yang lalu, Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa (FUHA) telah menghantar satu pasukan pelajar untuk menyertai pertandingan 'The 2012 Philip C. Jessup International Law Moot Court' yang diadakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pasukan ini diiringi oleh En. Abdul Majid Hafiz Mohamed selaku

jurulatih dan pensyarah pengiring. Selain Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan UIAM, pasukan lain yang turut bertanding ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Pertandingan ini dilangsungkan dalam empat peringkat sebelum dua pasukan yang mendapat skor yang tertinggi dipilih

untuk memasuki pusingan akhir. Pada pusingan pertama, pasukan UniSZA telah bertemu dengan pasukan UiTM. Pada pusingan kedua, dengan UIAM, pusingan ketiga dengan UM dan pusingan keempat sekali lagi dengan UIAM. Keputusannya, pasukan UniSZA hanya mendapat tempat keenam keseluruhan.

Cerapan Langit Malam sempena Program Majlis Profesor Turun Padang



Unit Falak, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah dijemput untuk mengisi salah satu slot program Majlis Profesor Negara (MPN). Program Majlis Profesor Turun Padang 2012 yang turut dihadiri oleh Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Hj Ahmad Said memberi peluang kepada semua ahli MPN untuk menjalankan aktiviti cerapan langit pada waktu malam dengan kemudahan peralatan cerapan yang disediakan oleh Unit Falak. Aktiviti cerapan ini diadakan pada 13 April 2012 di perkarangan Masjid Gong Tok Nasek, Kuala Terengganu. Dua buah planet berjaya dicerap pada malam tersebut iaitu planet Zuhal dan planet Marikh.



Karnival Pengajian Tinggi Negara 2012

Seperti tahun-tahun yang lepas, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) sekali lagi telah menyertai program Karnival Pengajian Tinggi Negara (KPTN) bagi tahun 2012 yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Karnival bermula dengan majlis pelancaran yang diadakan di Sultan Ahmad Shah Convention Centre, Kuantan, Pahang pada 13 hingga 16 Januari 2012 diikuti dengan zon kedua di Terengganu Trade Centre (TTC) pada 28 hingga 29 Januari 2012. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) diberi peluang untuk menjadi tuan rumah untuk zon kedua.

Secara keseluruhannya, UniSZA telah menyertai kesemua zon karnival iaitu sebanyak sebelas zon yang meliputi negeri Kedah, Sabah, Pulau Pinang, Kelantan, Negeri Sembilan, Sarawak, Perak, Johor dan Selangor selain dari Pahang dan Terengganu. Sepanjang tempoh karnival tersebut, BPA telah menerima kerjasama daripada Unit Komunikasi Korporat dan fakulti-fakulti lain untuk turut serta membantu menjayakan karnival yang telah diadakan. Karnival berakhir dengan acara penutup yang diadakan di Putra World Centre (PWTC) Kuala Lumpur pada 31 Mac hingga 1 April 2012. Semoga KPTN pada tahun hadapan diteruskan dan mendapat sambutan yang lebih meriah.

Program Hospital Mesra Bahasa Inggeris

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), UniSZA dengan kerjasama Jabatan Pediatrik, Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu telah mengadakan program kemasyarakatan iaitu Program Hospital Mesra Bahasa Inggeris pada 14 April hingga 31 Mei 2012 bertempat di Pusat Rawatan Harian Kanak-Kanak. Seramai 42 orang pelajar dan tujuh orang pensyarah FBK telah terlibat dalam menjayakan program ini. Program ini diadakan setiap hari Khamis sepanjang tahun yang mana sesi pertama pada tahun ini telah bermula pada 19 April 2012.

Tujuan program ini diadakan adalah memberi pendedahan kepada para pelajar dengan tanggungjawab sosial yang perlu digalas bagi membentuk keperibadian yang cemerlang dan gemilang dalam kalangan pelajar di FBK. Ia juga dapat mengeratkan ukhuwah antara pelajar dengan masyarakat luar, mengasah kemahiran mengajar serta kemahiran insaniah pelajar dan menyemaikan sikap empati dan bertimbang rasa dalam diri pelajar. Oleh itu, adalah menjadi harapan FBK supaya pelajar-pelajar dan staf FBK mempunyai hubungan baik dengan masyarakat luar agar mereka dikenali sebagai insan yang berdisiplin dan berakhlak mulia.

Karnival Sains dan Inovasi Zon Timur



Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menyertai Karnival Sains dan Inovasi Zon Timur, program induk Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional (SGI2012) pada 14 April 2012. Karnival ini telah dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri merangkap Ahli Parlimen Jeli, Dato' Sri Mustapa Mohamed, dihadapan hampir 5000 pengunjung. Karnival yang berlangsung selama tiga hari ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan sains dan inovasi serta menyuntik sikap inovasi dan kreativiti dalam kehidupan seharian. UniSZA telah mempamerkan inovasi dalam Produk Pendidikan KAFA *Game* Hasil Inovasi pelajar Diploma Multimedia yang difokuskan kepada pelajar-pelajar sekolah. Selain itu, UniSZA juga mengambil peluang untuk memberi penerangan berkaitan ICT dalam Bengkel Etika dalam Penggunaan ICT yang telah disampaikan oleh pensyarah Fakulti Informatik, Dr. Fadhilah Ahmad. Dalam bengkel tersebut, pelajar didedahkan dengan demo etika dalam penggunaan ICT. Penglibatan UniSZA dalam karnival ini mampu menyemarakkan atau membudayakan lagi sains dan inovasi dalam kalangan pelajar mahupun masyarakat ke arah penjaan ilmu serta kesejahteraan rakyat.

Program Baktisiswa Bersama Penduduk Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu

Persatuan Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Kepujian dengan kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu telah mengadakan Program Baktisiswa pada 8 hingga 10 Mac 2012. Seramai 40 orang pelajar dan seorang penasihat telah terlibat dalam program tersebut.

Matlamat program ini diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran kepada para pelajar mengenai kepentingan memberikan

khidmat bakti kepada masyarakat, membantu masyarakat kampung dalam meningkatkan mutu kehidupan, menyatukan tenaga dan idea antara mahasiswa/i dengan masyarakat serta membina individu remaja yang dapat menyesuaikan diri dan berinteraksi dengan masyarakat setempat. Para pelajar telah ditempatkan bersama-sama dengan keluarga angkat selama tiga hari dua malam.

Program ini berupaya melahirkan pelajar yang mempunyai nilai-nilai positif seperti bekerjasama

dalam berpasukan, menerapkan nilai disiplin dalam memenuhi amanah, serta tabah dalam menghadapi cabaran pada masa yang akan datang. Selain itu, ia dapat merealisasikan misi dan visi universiti untuk melahirkan mahasiswa/i yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik tetapi turut cemerlang dalam bidang kepimpinan.



MoU UniSZA dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Pada 8 Disember 2011, telah berlangsung satu majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar di Dewan Serbaguna MOA, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Majlis tersebut diadakan serentak dengan program Anugerah Inovasi 2011 yang dirasmikan oleh Datuk Chua Tee Yong, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) turut serta menandatangani MoU bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Majlis ini telah melakar sejarah buat UniSZA khususnya Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB) kerana kejayaan menandatangani MoU ini berupaya membawa UniSZA meningkatkan lagi kecemerlangan dalam bidang pertanian dan bioteknologi.

Program Tautan Kasih bersama Anak-anak Yatim

Fakulti Pertanian dan Bioteknologi (FPB), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan Program Tautan Kasih bersama Anak-anak Yatim Darul Akhyar pada 24 Februari 2012 bertempat di Asrama Anak Yatim dan Fakir Miskin Darul Akhyar, Batu Rakit.

Bertemakan *Together We Inspire The Dream, Together We Realize It*, program yang melibatkan seramai 50 orang mahasiswa FPB ini merupakan salah satu tanggungjawab sosial untuk merapatkan jalinan ukhuwah antara mahasiswa UniSZA dengan masyarakat sekitar selain memberikan khidmat bakti dan sedikit sumbangan sama ada dari segi kewangan mahupun tenaga kerja.

Pelbagai hasil sumbangan daripada mahasiswa UniSZA, orang perseorangan dan juga syarikat korporat telah diserahkan oleh wakil Dekan FPB, En. Shahril Amin Hashim dan Pn. Norhayati Ngah kepada penyelia asrama, En. Mohammad Rozaki Yusof.

Menurut Pengarah Program, En. Ahmad Hanafi Sulong, program sebegini diharapkan mampu memberikan impak yang positif kepada mahasiswa dan anak-anak yatim.



Program Integrasi Nasional Pertukaran Budaya 1 Malaysia

Seramai 10 orang pelajar daripada pelbagai kelab di bawah kendalian Pusat Seni dan Warisan (PSW) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menyertai Program Integrasi Nasional Pertukaran Budaya 1 Malaysia yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi Mara Terengganu. Program yang diadakan pada 18 hingga 24 April 2012, telah diisi dengan pelbagai aktiviti melibatkan para peserta dengan komuniti setempat.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah pembersihan pantai, program anak angkat, program jom ke masjid, pembuatan kuih tradisional negeri, bengkel tarian dan lawatan budaya Terengganu. Melalui program ini, para peserta berpeluang mengenali, memahami, menghargai dan mencintai budaya warisan di samping menjalinkan hubungan dan kesepaduan kerja secara lebih berkesan bagi memupuk semangat berpasukan yang tinggi.

Kunjungan Prince of Songkla University (PSU), Pattani, Thailand ke UniSZA

Pihak Pengurusan Faculty of Humanities and Social Sciences, Prince of Songkla University, Pattani (PSU) telah berkunjung ke Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 14 hingga 15 Januari 2012.

Kunjungan berkenaan adalah sebagai kesinambungan kepada hubungan rasmi yang telah terjalin di antara UniSZA dengan PSU melalui memorandum persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada tahun 2011. Antara objektif kunjungan rombongan dari PSU berkenaan adalah untuk: Membincangkan pelan aktiviti kerjasama UniSZA-PSU untuk pelaksanaan pada tahun 2012 dan 2013, dan pelan kerjasama jangka panjang.

Mewujudkan hubungan rakan sepekarakan yang lebih erat di antara staf akademik UniSZA dengan staf Faculty of Humanities and Social Sciences, PSU.

Membolehkan tenaga akademik dari kedua-dua universiti berkongsi pengalaman dan maklumat dalam bidang kepakaran masing-masing.

Selaras dengan itu, satu mesyuarat telah diatur dengan pihak PSU pada 15 Januari 2012 yang melibatkan Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK), Fakulti Informatik (FIT) dan Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan (FPPP).

Mesyuarat yang diadakan telah mengenal pasti skop kerjasama yang lebih jelas di antara PSU dengan fakulti-fakulti berkaitan yang meliputi kerjasama akademik seperti penganjuran seminar, penyelidikan, penerbitan dan mobiliti pelajar.

Sempena dengan kunjungan itu juga ahli rombongan telah diraikan dalam satu majlis makan malam yang diadakan di Primula Beach Resort yang turut dihadiri oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud.



Mou UniSZA dengan UNISSA

Pada 13 Disember 2011, berlangsungnya satu majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan University Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) daripada Brunei Darussalam yang telah diadakan di galeri UniSZA kampus Kota.

Majlis ini ditandatangani oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud dan Rektor UNISSA Dr. Haji Serbini Haji Matahir @ Md Tahir

Antara isi kandungan MoU tersebut adalah mengadakan usahasama penyelidikan dan projek ilmiah, mengadakan persidangan, menghasilkan penerbitan ilmiah, mengadakan pertukaran kepakaran tenaga akademik, program pertukaran pelajar dalam bidang pengajian tertentu dan mengadakan aktiviti bersama di samping bekerjasama dalam bidang yang bersesuaian.



Mou UniSZA dan Chiang Mai University



Pada 17 November 2011 berlangsungnya satu majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) antara Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan Chiang Mai University (CMU) Thailand. Majlis yang diadakan di CMU ini bertujuan untuk mewujudkan persefahaman antara kedua-dua buah universiti untuk mengorak langkah demi manfaat pendidikan pada masa hadapan. MoU ini ditandatangani oleh Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud dan Presiden Chiang Mai University Profesor Dr. Pongsak Angkasith.

Education Malaysia Exposition di Brunei Darussalam



Bahagian Pengurusan Akademik dan Unit Komunikasi Korporat telah menyertai program 'Education Malaysia Exposition' di Brunei Darussalam pada 11 dan 12 Februari 2012. Pameran yang berlangsung di Grand Ballroom, Orchid Garden Hotel ini bertujuan mempromosi pendidikan Malaysia dalam kalangan pelajar Brunei Darussalam.

UniSZA diwakili oleh tiga orang staf yang terdiri daripada Timbalan Dekan Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan, Pn. Noryati Yaacob, En. Johari Johan dari Unit Komunikasi Korporat dan En. Najmuddin Mohamed Sarawi dari Bahagian Pengurusan Akademik. Program yang dianjurkan oleh Rexpo Central Sdn. Bhd. ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar-pelajar dan ibu-bapa di negara tersebut. Semoga program promosi sebegini dapat diteruskan lagi bukan sahaja di Brunei, tetapi juga di negara-negara rantau ASEAN yang lain pada tahun-tahun akan datang.

The Thailand International Education Expo 2012

Bagi memastikan UniSZA menjadi salah satu destinasi pilihan kepada pelajar-pelajar antarabangsa, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) telah mempergiat aktiviti promosi pendidikan di luar negara. Pada 30 Mac hingga 1 April 2012 yang lalu, BPA dan UKK telah menyertai 'The Thailand International Education Expo 2012' di Bangkok, Thailand. Pameran yang berlangsung di Siam Paragon Shopping Center ini telah mendapat penyertaan dari 16 buah universiti di seluruh Malaysia yang turut dibantu oleh pihak Education Malaysia. Pameran ini turut mendapat perhatian Duta Malaysia di Bangkok, Dato' Nazirah Hussain yang sempat melawat tapak pameran dan beramah mesra dengan wakil IPT dari Malaysia. Pada pameran ini, UniSZA telah diwakili



oleh Pengarah Pusat Pengurusan Siswazah, Prof. Madya Dr. Izah Mohd Tahir, Dekan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Pn. Azizah Endut, Pn. Fatimah Ibrohen (Guru Bahasa) dan En. Najmuddin Mohamed Sarawi (wakil BPA).



Promosi Pendidikan di Selatan Thailand



Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam proses pengantarabangsaannya, sedang giat menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan jumlah kemasukan pelajar antarabangsa dalam pelbagai program yang ditawarkan, khususnya program ijazah sarjana muda.

Susulan daripada itu, Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) UniSZA dengan kerjasama Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dan Unit Komunikasi Korporat telah mengadakan lawatan promosi ke Selatan Thailand pada 15 Januari

2012 hingga 19 Januari 2012 bagi

mempromosi program ijazah sarjana muda yang ditawarkan oleh UniSZA.

Delegasi ini diketuai oleh Dr. Daud Ismail dari Fakulti PENGajian Kontemporari Islam (FKI) dan diiringi oleh En. Najmuddin Mohamed Sarawi (wakil BPA), Lateefah Kasamasu (pelajar FKI) dan Rania Abdul Wahab (FPPP). Sebanyak lapan buah sekolah telah dilawati sepanjang program itu berlangsung. Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah Saengtham Wittaya, Madrasah Rahmaniah, Sekolah Darussalam, dan Sekolah Islam Attrakiyah di Narathiwat. Di Pattani pula, sekolah-sekolah yang dilawati adalah Sekolah Sasanupatham, Sekolah Jongraksat, Sekolah Darusasn dan Sekolah Islam Saiburi.





Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) telah mengadakan satu program yang dikenali sebagai 'FRIT Day 2012'. Program ini telah dijalankan pada 23 Februari 2012 bertempat di Kem Merang dan Taman Rekreasi Merang, Kuala Terengganu melibatkan semua staf dan pelajar FRIT. Program dirasmikan oleh Dekan FRIT, Dr. Saiful Bahri Mohamed.

Tujuan utama program ini adalah untuk mengeratkan silaturahmi antara pelajar dengan staf FRIT. Selain itu, program ini juga membuka peluang kepada peserta untuk memupuk semangat kerjasama dalam semua aktiviti yang dijalankan.

'FRIT Day 2012' merupakan program yang berkonsepkan riadah dan kerohanian. Aktiviti riadah seperti sukaneka dijalankan pada waktu siang dengan pengisian tiga kategori permainan iaitu kategori tradisional, kategori *design* dan kategori otak, manakala waktu malam pula diisi dengan program kerohanian, iaitu solat Maghrib dan Isyak berjemaah, tazkirah dan bacaan Yaasin.



Kejohanan Badminton Tertutup Staf Bahagian Pengurusan Akademik



Pasangan En. Faizal Ibrahim dan En. Taufik Othman telah menunjukkan kejaguan mereka di gelanggang badminton apabila menjuarai Kejohanan Badminton Tertutup Staf Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) edisi pertama yang berlangsung pada 17 April 2012 di Dewan Gimnasium UniSZA. Pasangan ini telah menundukkan pasangan En. Risyamsyi Abdul Razak dan En. Rashid Yusof dalam dua set permainan yang berlangsung selama hampir 45 minit.

Pasangan ini mula menunjukkan taring mereka apabila berjaya menundukkan pilihan utama kejohanan iaitu pasangan En. Ismail Musa dan En. Nordin Muda di peringkat separuh akhir. Kejohanan ini turut disertai oleh tiga lagi pasangan regu-regu. Ia dianjurkan bertujuan menggalakkan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan staf BPA di samping menghilangkan tekanan di tempat kerja.

Majulah Sukan Untuk Negara

Penyertaan 1000 orang atlet dan pegawai dari seluruh Malaysia telah memeriahkan Kejohanan Siri MASUM yang diadakan di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) pada 26-29 April 2012. UniSZA buat julung kalinya telah dilantik menjadi tuan rumah bagi Kejohanan MASUM Siri tiga yang mana Kejohanan Siri pertama terdahulunya telah diadakan di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan diikuti oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) bagi Siri dua. Terdapat tiga acara yang dipertandingkan dalam Siri tiga iaitu taekwondo, ragbi (7 Side) dan sepak takraw.

Program Pengantarabangsaan Latihan dan Perlawanan Persahabatan PST Memanah

Pusat Sukan HEPA Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah mengadakan Program Pengantarabangsaan Latihan dan Perlawanan Persahabatan PST Memanah UniSZA Bersama Pasukan Memanah Universitas Negeri Jakarta pada 10 hingga 15 Februari 2012 di Universitas Negeri Jakarta, Indonesia. Program berkonsepkan latihan bersama ini telah memberi pendedahan kepada atlet mengenai

prinsip dan kaedah latihan di samping dapat saling bertukar idea serta menjalin kerjasama untuk pembangunan sukan memanah. Delegasi yang diketuai oleh Mantan Dekan HEPA, En. Nordin bin Jusoh bersama empat orang pegawai dan sembilan orang atlet tidak berjaya memenangi sebarang hadiah memandangkan penentuan johan keseluruhan diambil kira bagi kategori 'recurve' sahaja.

Retreat Staf Bahagian Pengurusan Akademik

Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) telah mengadakan program Retreat Staf BPA 2012 pada 6 hingga 7 April 2012 bertempat di Kapas Island Resort. Seramai 21 orang staf di BPA telah menghadiri program ini beserta ahli keluarga masing-masing. Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara staf BPA dengan ahli keluarga masing-masing. Program ini diserikan lagi dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa, Profesor Dr. Amran Ahmed yang turut mengambil bahagian dalam setiap aktiviti yang diadakan. Sebanyak tujuh acara sukaneka telah dilangsungkan yang melibatkan staf, anak-anak dan ahli keluarga masing-masing. Acara kemuncak bagi program ini adalah majlis makan malam dan penyampaian hadiah cabutan bertuah serta hadiah bagi aktiviti sukaneka.



Pemain Kelab Golf UniSZA menguasai permainan dan muncul juara dalam Kejohanan Golf Amal Hari Malaysia Yayasan Albitan 2011 pada 11 Disember 2011.

Kejohanan anjuran Yayasan Albitan itu disertai oleh 48 orang pemain yang datang dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta individu dan juga disertai oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia Tun Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Peserta UniSZA, Dr. Mohd Sadad Mahmud berjaya menjuarai kejohanan tersebut dengan memperolehi mata sebanyak 39 markah berdasarkan format kejohanan iaitu *Stableford System 36 handicap of the day*. Beliau berjaya membawa pulang piala pusingan, piala iringan dan hadiah sampingan. Selain itu, Mohd Sufian Mat Deris yang turut mewakili UniSZA berjaya membawa pulang hadiah *novelties* bagi *Longest Drive* dengan jarak 243 meter.

Tahniah diucapkan kepada pemain Kelab Golf UniSZA kerana berjaya menjuarai kejohanan dan sekaligus mengharumkan nama UniSZA.



Kejohanan Golf Amal Hari Malaysia Yayasan Albitan 2011



Striker-IDeC 2012



Pada 14 Januari 2012, Pelajar Diploma Reka bentuk Perindustrian Semester 4, 2011/2012, Fakulti Rekabentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan kejohanan boling `Striker-IDeC` bertempat di Terengganu Equestrian Resort (TER), Kuala Ibai. Dekan FRIT, Dr. Saiful Bahri Mohamed telah hadir merasmikan kejohanan ini dan turut sama bermain bagi memeriahkan lagi kejohanan yang bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dalam kalangan warga FRIT. Seramai

80 orang peserta terdiri daripada pelajar dan staf FRIT telah menyertai kejohanan boling yang julung kali diadakan. Bagi kategori lelaki, johan untuk pertandingan ini jatuh kepada pelajar Diploma dari [pada semester enam. Tempat kedua pula diduduki oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda semester lima manakala tempat ketiga, pelajar Ijazah Sarjana Muda semester tiga. Untuk kategori wanita pula, tempat pertama jatuh kepada pelajar Ijazah Sarjana Muda semester lima diikuti oleh pelajar Diploma dari semester empat, manakala tempat ketiga ialah pelajar

Diploma semester dua. Pemenang bagi pengutip mata tertinggi individu kategori lelaki dimenangi oleh Mohamad Azizuddin Ali dari Diploma Semester empat manakala bagi kategori wanita pula dimenangi oleh kepada Nor Madihah Jaafar pelajar Ijazah Sarjana Muda Semester lima. Turut hadir memberikan sokongan ialah Naib Canselor UniSZA, Dato' Profesor Dr. Alias Daud dan Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Akademik, En. Ismail Musa.





Sukan MASUM Rowing dan Kayak 2012

Sebanyak satu emas, satu perak dan empat gangsa berjaya dirangkul oleh pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dalam Sukan MASUM rowing dan kayak 2012 yang telah diadakan pada 11 hingga 15 April 2012. Seramai 56 orang atlet telah menyertai acara yang diadakan di Kompleks Sukan Air Putrajaya.

Pada 7 hingga 15 April 2012, pasukan pelajar UniSZA telah menyertai Karnival Sukan MASUM Fasa satu yang diadakan di Universiti Malaysia Sarawak (UniMAS). Karnival yang melibatkan 8 acara sukan ini disertai oleh 69 orang atlet UniSZA, 8 orang jurulatih, dan 5 orang urus setia dari Pusat Sukan HEPA UniSZA. Pingat yang berjaya diperolehi ialah tiga Perak dan tiga gangsa dari acara memamah.

TESL Student's Hidden Talents and Creativity Unleashed

The Faculty of Languages and Communication (FBK) recently concluded its thirteenth English camp themed 'English: Hidden Power Unleashed'. The camp ran over a period of two weeks in late March 2012. 124 TESL students from semester two and four together with 19 facilitators took part. In addition, four lecturers from Prince of Songkhla University, Thailand, actively participated in the camp allowing FBK to strengthen its international links, share expertise, and broaden student's exposure. The English camp has two parts. The first part is held on campus and involves a variety of team activities,

educational trips, motivational talks and community service projects. The camp visited the Fire Academy at Ajil, and spent time with an orphanage in Batu Rakit. The second part of the camp is held off campus, this year at the nearby Gem Beach Resort. Students are divided into fixed groups for the duration of the camp. Groups then work together on various language tasks and activities, competing with each other every step of the way. Activities require group work, team building, cooperation, leadership, and language skills. Public speaking, role-play, translation and acting are just some of the events held during

the indoor section of the camp. At Gem Beach Resort, students took advantage of the outdoor setting where planned events were more physical in nature. The Language Camp is an annual highlight for FBK TESL students. It is the time students get out of the classroom and are able to gain a sense of belonging while strengthening their creative and critical thinking skills. The camp serves to reinforce student's English language capabilities, while strengthening their soft skills, and this year they were indeed a talented and creative group.



UniSZA tewaskan Kelab Wartawan Terengganu

Pasukan badminton dan futsal Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) berjaya menewaskan Kelab Wartawan Terengganu (Kawat) pada Kejohanan Sukan Bersama Media 2012 anjuran Unit Komunikasi Korporat (UKK) UniSZA pada 16 Mac 2012. Perlawanan yang diadakan di Gimnasium UniSZA, Kampus Gong Badak itu menyaksikan pasukan badminton UniSZA memenangi perlawanan tersebut dengan agregat 5-2 melalui kemenangan yang dicipta oleh tiga beregu lelaki, satu beregu wanita dan satu beregu campuran. Sementara itu dalam perlawanan futsal di Gelanggang

Futsal, UniSZA, kesungguhan yang ditunjukkan oleh pasukan Kawat belum cukup untuk menidakkan kemenangan UniSZA apabila tewas 2-6. Walaupun Kawat yang terlebih dahulu membuka tirai jaringan, UniSZA tidak mudah melatah apabila mula memperkemaskan permainan mereka dan mendahului 2-1 sehingga tamat separuh masa pertama. Bermula separuh masa kedua, UniSZA yang diwakili oleh beberapa bekas pemain bola sepak Terengganu seperti Zulharisam Awang dan Faziallah Mamat melancarkan serangan bertali arus dan menambah empat lagi

gol sebelum Kawat memperolehi satu lagi gol pada minit-minit akhir perlawanan. Kemuncak kejohanan ini menyaksikan sekali lagi UniSZA menguasai permainan boling yang diadakan di Terengganu Equestrian Resort apabila berjaya menjatuhkan 1720 pin berbanding 1615 jatuhan pin oleh pasukan Kawat. Kejohanan julung kali diadakan ini adalah pendekatan yang diambil oleh pihak UKK dalam usaha merapatkan lagi hubungan antara pihak UniSZA dan warga media di Terengganu yang bernaung dibawah Kawat.



Wirawati UniSZA

Johan Kejohanan Cabaran Pandai Silat Peringkat Nasional 2011

Pasukan Wirawati UniSZA yang terdiri daripada pesilat wanita Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi (PSSCUH) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) muncul johan keseluruhan Kejohanan Cabaran Pandai Silat Peringkat Nasional 2011 yang diadakan pada 17 Disember 2011 di AEON AU2 Shopping Centre, Setiawangsa dan AU2, Taman Keramat, Kuala Lumpur.

Kejohanan ini merupakan Kejohanan Pandai Silat yang julung kali diadakan dan dianjurkan oleh Akademi Silat Cekak Ustaz Hanafi. Wirawati UniSZA yang mengungguli kejohanan tersebut dengan menewaskan tujuh buah pasukan lain menerima pingat emas dan disarungkan dengan baju rasmi persatuan iaitu baju singkap.

Sebanyak empat kategori dalam ujian saringan telah dipertandingkan iaitu papan sekeping tangan kosong, papan sekeping senjata, umum tangan kosong dan umum senjata.

Pasukan Wirawati UniSZA dan Pahlawan Timur yang terdiri daripada pesilat lelaki UniSZA telah berjaya dalam pusingan saringan dan melayakkan diri ke perlawanan akhir. Terdapat empat tugas yang diberikan untuk disempurnakan pada pusingan akhir, dua adalah wajib iaitu serangan di atas titian dan empat serang satu, manakala dua tugas adalah berdasarkan undian iaitu umum bersenjata dan tangan kosong (duduk tahiyat) serta serangan umum kaki di atas titian.

Penasihat Persatuan Seni Silat Cekak Ustaz Hanafi UniSZA, En.

Muhammad Hafiz Abdullah, yang terlibat secara langsung dalam melatih pesilat untuk persediaan kejohanan ini menyatakan bahawa kejayaan ini merupakan rekod yang baik bagi PSSCUH UniSZA kerana kejohanan ini telah menghimpunkan pesilat-pesilat yang handal dan berpengalaman.

Ekoran daripada kejayaan ini, PSSCUH UniSZA berhasrat untuk menghantar lebih ramai pesilat menyertai kejohanan ini dalam usaha menaikkan nama UniSZA. Acara penutup kejohanan telah disempurnakan oleh Guru Utama PSSCUH Malaysia, En. Marwi Latif.



Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Keluaran Khas

ISSN: 1985-7667
Tahun: 2011
Harga: RM25.00

- **Konflik antara Hak Wali Mujbir di bawah Hukum Syarak dan Peruntukan Had Umur Minimum Perkahwinan**
Syh Noorul Madidah Syed Husin, Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda
- **Penggunaan DNA bagi Penentuan Nasab al-Walad li al-Firasy dalam Peruntukan Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia**
Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Siti Khatijah Ismail, Najmiah Omar
- **Kelemahan Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 (Akta 253) dan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam Negeri dalam Menangani Keperluan Pengangkatan**
Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali
- **Perbandingan antara Hisbah dan Majlis Penasihat Syariah Sistem Perbankan Islam**
Ahmad Faizol Ismail
- **Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Quran bagi Golongan Dewasa**
Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor, Zulkifli A. Manaf
- **Muslimah dan Masjid dari Perspektif Aktiviti Ibadah**
Siti Fatimah Salleh
- **Pendekatan al-Tafa'ul Menurut Islam serta Contoh Penggunaannya dalam Kitab-kitab Fiqh**
Hasanulddin Mohd, Ahmad Tirmizi Taha, Akila Mamat
- **Isu-isu Fiqh yang Tidak Muktabad Menurut Mazhab Shafi'i dalam *Kitab al-Sirat al-Mustaqim* Karya Shaykh Nur al-Din al-Raniri**
Jamaluddin Hashim
- **Al-Mamsukhun fi al-Quran al-Karim: Sifatuhum wa al-'Ibar min Qisosihim**
Syed Mohd Hafiz Syed Omar al-Idrus
- **Dimensi Baru dalam Amalan Rabitah Tokoh Sufi Kontemporari Malaysia**
Syed Hadzrullathfi Syed Omar



Wacana Percanggahan Hadith

ISBN: 978-983-9842-49-4
Tahun: 2012
Harga: RM35.00

Mukhtalif al-Hadith atau kajian mengenai percanggahan hadith, menurut al-Imam al-Nawawiy, adalah merupakan salah satu cabang penting dalam ilmu Mustalah al-Hadith. Melalui ilmu ini, para ulama hadith berupaya menyelesaikan permasalahan atau salah tafsiran yang timbul seputar hadith-hadith yang tampak bercanggah, sama ada bercanggah antara hadith dengan hadith, atau hadith dengan ayat al-Quran, atau boleh jadi juga antara hadith dengan akal sehat atau penemuan-penemuan sains moden. Antara ulama yang diketahui pasti terlibat dalam kajian ini adalah Ibnu Qutaibah (270H.), Abu Ja'far al-Tahawiy (321H.), Abu Abdillah al-Hakim al-Naisaburiy (450H.), Ibnu Faurak al-Asbahaniy (406H.) dan Ibnu al-Salah (643H.). Turut tidak terkecuali ialah al-Imam al-Shafi'iy (204H.).

Meskipun ilmu Mustalah al-Hadith telah banyak dipelajari di Malaysia, malah telah menjadi sebahagian dari pengajian hadith di sekolah-sekolah menengah atas dan institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia, namun tidak banyak kajian mengenai Mukhtalif al-Hadith ini pernah dibincang atau didiskusikan secara serius. Justeru di sinilah terletaknya keistimewaan buku ini, apabila ia dipercayai menjadi buku pertama dalam bidang ini yang pernah ditulis dan diterbitkan di Malaysia. Selain membincangkan konsep dan pengertian Mukhtalif al-Hadith dari pelbagai takrif dan sudut pandang ulama' dan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya percanggahan ini, tumpuan buku ini terutama adalah pada menghuraikan beberapa kaedah yang digunakan oleh para ulama dalam memahami hadith-hadith yang kelihatan bercanggah, di samping mengemukakan beberapa contoh hadith-hadith yang berkaitan, sebelum mengakhirinya dengan jawapan atau penyelesaian bagi mengatasi kekeliruan atau salah faham yang timbul.